



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KELIMA  
*Fifth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

## KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2799]

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979:

Jawatankuasa (Hari Kedelapan)—

Jadual:

Maksud B. 26 dan B. 27 [Ruangan 2827]

Maksud B. 28 [Ruangan 2856]

### USUL:

Anggaran Pembangunan, 1979:

Jawatankuasa (Hari Kedelapan)—

Maksud P. 26 dan P. 27 [Ruangan 2827]

Maksud P. 28 [Ruangan 2856]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- .. Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- .. Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).
- .. Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- .. Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- .. Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- .. Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- .. Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- .. Menteri Pertanian, DATO' SHARIEF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ **Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SRI SYED AHMAD, SHAHABUDDIN AL-HAJ, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam,  
DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE  
E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK  
UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,  
TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING  
(Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN  
HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN  
YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN  
ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH  
BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN  
ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN  
ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM  
BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan  
Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias*  
YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasar Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P.,  
P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

.. DR CHEN MAN HIN (Seremban).

.. TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

.. TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).

.. TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).

.. PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).

.. TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).

.. TUAN V. DAVID (Damansara).

.. TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).

.. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

.. DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).

.. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

.. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).

.. TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).

.. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

.. TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).

.. DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

.. TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).

.. TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).

.. TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).

.. TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).

.. TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).

.. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).

.. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).

.. TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

.. TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).

.. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

.. TUAN MARK KODING (Kinabalu).

.. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).

.. TUAN LEE KAW (Keluang).

.. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

.. TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).

.. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

.. TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).

.. TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).

.. TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).

.. TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).

.. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

.. TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

.. TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 23hb November, 1978

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan  
Mesyuarat*)JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

## JURUTERA-JURUTERA TEMPATAN

1. **Tuan Chan Teck Chan** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada lebih ramai lagi jurutera-jurutera dikehendaki di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, jika ya, mengapakah jurutera-jurutera tempatan menghadapi kesulitan untuk mendapat kerja di badan-badan berkanun dan dengan Kerajaan, dan juga mengapa jurutera-jurutera tempatan apabila diambil kerja terpaksa bekerja secara kontrak dengan tidak mempunyai harapan untuk diletakkan di dalam perkhidmatan tetap.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar ramai jurutera-jurutera yang dikehendaki dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Sebagai usaha Kerajaan bagi memenuhi keperluan ini, Kerajaan telah mengambil langkah yang bersungguh-sungguh sejak tahun 1972 dengan menghantar penuntut-penuntut mengikuti kursus dalam bidang ini. Penuntut-penuntut ini telah mula balik dalam tahun ini juga.

Adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk memberi keutamaan kepada pemegang-pemegang biasiswa Kerajaan bagi memenuhi keperluan ini. Sementara menunggu keputeraan penuntut-penuntut tersebut, mereka yang bukan pemegang biasiswa yang ingin berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan telah dilantik secara kontrak.

Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Seremban, bahawa buat masa ini, kekosongan yang berlaku adalah di dalam bidang kejuruteraan yang tertentu sahaja, umpamanya kejuruteraan awam dan kejuruteraan letrik dan radio.

Lebih kurang 50% daripada jurutera yang dikehendaki adalah untuk projek-projek tertentu di mana jawatan-jawatan ini diujudkan bagi tempoh masa pelaksanaan projek-projek itu sahaja. Pengisian jawatan untuk projek tersebut dibuat secara kontrak. Sekiranya projek-projek baru diadakan atau projek-projek lama diteruskan maka kontrak mereka bolehlah disambungkan. Walau bagaimanapun dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu bahawa jurutera kontrak tidak mempunyai harapan dalam perkhidmatan tetap, adalah tidak tepat. Pertimbangan akan diberi bagi pegawai-pegawai kontrak untuk dilantik secara tetap dari masa ke semasa mengikut keperluan tetapi mereka perlulah memangku perkhidmatan kontrak dan memohon secara biasa bila iklan dikeluarkan di akhbar-akhbar tempatan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah mengakui ada berlaku kekurangan jurutera yang sangat-sangat diperlukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Untuk menggalakkan lebih banyak jurutera-jurutera berkhidmat dengan Kerajaan maka adakah Yang Berhormat akan mempertimbangkan untuk membatalkan sistem kontrak ini supaya perasaan keselamatan (sense of security) dalam kerja mereka boleh dikukuhkan.

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua dalam Jabatan Kerjaraya umpamanya jawatan-jawatan yang diperuntukkan ada dibahagikan kepada dua cara

iaitu pertama sama ada perkhidmatan tetap ataupun perkhidmatan secara kontrek. Dan sepertimana saya jelaskan tadi bahawa untuk projek-projek tertentu memang biasanya Kerajaan memberi peruntukan untuk mengambil jurutera-jurutera secara kontrek sahaja dan ini sebabnya kita mengadakan jurutera-jurutera secara kontrek.

### KEGIATAN DAKWAH

2. **Tuan Jamaluddin bin Suhalmi** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada orang mengambil kesempatan dari dakwah untuk menimbulkan perasaan benci membenci antara satu sama lain yang menimbulkan fanatik dalam agama, jika dibiarkan akan menimbulkan keadaan yang merbahaya seperti yang berlaku di beberapa buah negara, dan jika ya, apakah langkah-langkah Kerajaan dalam perkara ini.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum terdapat sebarang bukti yang nyata yang menunjukkan adanya orang-orang yang mengambil kesempatan untuk menimbulkan perasaan benci-membenci antara satu sama lain yang boleh menimbulkan fanatik dalam agama dari kegiatan dakwah yang dijalankan itu. Ini adalah disebabkan bahawa sebarang kegiatan dakwah di negara ini adalah di bawah pengawasan Kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan ataupun peringkat Negeri. Walau bagaimanapun jika sekiranya Ahli Yang Berhormat ada mempunyai bukti-bukti yang nyata tentang perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu, maka Ahli Yang Berhormat bolehlah melaporkan perkara itu kepada pihak yang berkenaan supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil terhadap mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, jika didapati benar, ini adalah sejajar dengan kehendak Al-Quran pada mencegah segala perbuatan mungkar seperti firman Tuhan, saya pohon izin. Quote: "Wayan haw na anil mungkar" (Adalah kamu mencegah segala perbuatan mungkar).

### TANGGUNGAN KELUARGA OLEH SUAMI

3. **Puan Yong Fatimah binti Md. Razali** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan

apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan ke atas suami-suami yang mampu menanggung isteri serta anak-anak mereka, tetapi meninggalkan mereka tanpa sebarang sebab yang menasabah dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu isteri-isteri serta anak-anak yang berkenaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Patrick Anek Uren):** Tuan Yang di-Pertua, langkah pertama yang biasa diambil oleh Kementerian Kebajikan Am untuk membantu isteri-isteri dan anak-anak yang datang mengadu yang ditinggalkan tanpa nafkah oleh suami mereka adalah secara memberi nasihat dan bimbingan kepada kedua-dua pihak di bawah Perkhidmatan Kesejahteraan Keluarga dan Bantuan Guaman, supaya kedua pihak berdamai semula atau sesuatu persetujuan dibuat di luar mahkamah. Tujuan perkhidmatan ini ialah untuk membantu pasangan suami-isteri yang mengalami masalah kekeluargaan.

Jika sekiranya tindakan ini tidak berhasil maka Kementerian saya boleh mengambil lain langkah iaitu merujuk kes yang dimaksudkan kepada Biro Bantuan Guaman jika pihak yang menuntut layak menerima Bantuan Guaman. Di bawah Akta Bantuan Guaman, 1971, pihak Biro boleh membantu pemohon menuntut nafkah melalui mahkamah atau bagi orang Islam melalui Mahkamah Syariah supaya mendapatkan perintah mahkamah mengikut perbekalan di dalam Ordinan Perempuan Berkahwin dan Kanak-kanak (Nafkah, 1950) di mana seseorang suami jika didapati wajar harus diarah memberi nafkah kepada isteri dan anak-anaknya.

Jika arahan ini tidak dipatuhi oleh pihak suami mahkamah boleh menguatkuasakan perintah itu melalui Akta Perempuan Berkahwin dan Kanak-kanak (menguatkuasakan nafkah), 1968 yang memberi kuasa kepada majikan membuat potongan gaji suami untuk dikirimkan kepada isterinya.

Sementara menunggu keputusan mahkamah bersabit dengan tuntutan nafkah berkenaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat ada membantu keluarga-keluarga yang miskin

sama ada menerusi Bantuan Am atau Bantuan Penyaraan Kanak-kanak sehingga soal tuntutan nafkah telah diselesaikan.

#### PELARIAN-PELARIAN FILIPINA/INDO-CHINA

**4. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah pelarian-pelarian dari Filipina Selatan yang terdapat di Negeri Sabah dan berapa ramaikah pelarian-pelarian dari Indo-China yang terdapat di Semenanjung Malaysia; dan apakah tindakan Kerajaan telah ambil untuk menyerap; menempatkan semula atau menghantar balik pelarian-pelarian tersebut; dan sama ada Kerajaan mempunyai satu dasar bersama untuk pelarian-pelarian baikpun dari Filipina Selatan atau dari Indo-China, dan jika tidak, mengapa.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, soal mengenai pendatang haram dari Vietnam, saya telah memberi jawapan yang secukupnya pada hari semalam dan bilangan orang-orang Filipina yang datang ke Sabah pada bulan Januari, 1978 ialah 71,422 dan pada masa sekarang anggarannya sudah sampai kepada 92,000 orang.

Kerajaan Malaysia menganggap mereka ini adalah refugees.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pelarian-pelarian yang datang dan mendarat masuk ke Sabah masih bertambah meningkat naik dan apa sikap dan tindakan Kerajaan akan ambil mengenai perkara ini?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi, di dalam bulan Januari, 1978 bilangannya 71,422 dan sekarang anggarannya sudah lebih daripada 92,000. Bermakna Kerajaan sedar angka ini naik dan segala tindakan diambil untuk mencegah mereka ini supaya jangan masuk, tetapi keadaannya berlainan dengan keadaan orang pelarian daripada Vietnam, kerana orang pelarian daripada Filipina ini mereka datang kemari hanya untuk berselindung buat sementara

dengan harapan mereka itu akan kembali ke Philippines apabila sudah damai dan tenteram keadaan di dalam negara mereka.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya masih ingat semalam Yang Berhormat Menteri ada membuat satu kenyataan, kata Yang Berhormat Menteri ialah pelarian-pelarian tidak diizinkan masuk Malaysia tanpa kebenaran diberikan. Di sini saya ingin sekali bertanya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, adakah pelarian-pelarian yang seramai 92,000 orang daripada Philippines ini ketika memasuki Malaysia, adakah kebenaran telah diberikan oleh Kerajaan sebelum mereka diizinkan bertapak di Sabah?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, tidak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri bererti apabila membandingkan masalah-masalah pelarian Philippines di Sabah dan masalah-masalah pendatang-pendatang haram daripada Vietnam mengenai masalah atau mereka yang datang daripada Filipina Selatan Kerajaan ada satu dasar pintu terbuka (open door) untuk mereka.

Kedua, apabila Yang Berhormat Menteri berkata bahawa refugees yang datang ke Sabah daripada Filipina Selatan ialah untuk sementara. Apa bukti atau adakah Kementerian yang berkenaan mendapat satu jaminan daripada semua 92,000 orang yang berkenaan bahawa mereka akan balik di masa hadapan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kita mengatakan bahawa ada open door policy terhadap orang yang masuk daripada Philippines sepertimana saya kata tadi bahawa mereka ini masuk juga dengan cara haram. Tidak sekali-kali kita mengatakan ini ada open door policy. Tetapi oleh kerana keadaannya berbeza sekali di antara Philippines dengan Vietnam. Philippines sekarang adalah dalam keadaan peperangan, perjuangan di wilayah-wilayah, jadi ini menyebabkan mereka ini lari dan kebanyakan yang lari dan yang masuk ke Sabah itu, saya tidak dapat hendak menentukan pada hari ini, tetapi boleh saya beri kemudian hari, bilangan

wanita dan anak kecil yang lebih ramai daripada bilangan orang dewasa lelaki. Jadi ini sudah terang bahawa pelarian ini untuk mencari perlindungan sementara. Sebab itulah apabila mereka masuk di sana, kita sifatkan mereka itu sebagai refugees dan diberi status refugees.

**Tuan Hashim bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semalam, kita dapati perkara ini adalah satu perkara yang sangat serius dan sehingga ada parti-parti Pembangkang hendak tahu lagi apakah sikap yang diambil oleh Kerajaan berhubung dengan perkara yang tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkara apa Yang Berhormat.

**Tuan Hashim bin Endut:** Perkara berkenaan pelarian Vietnam dan sebagainya. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kita tahu parti-parti Pembangkang banyak buat teguran-teguran di dalam Dewan. Adakah parti-parti Pembangkang yang ada di hadapan kita cuba membuat perundingan selain daripada teguran di dalam Dewan ini, cuba hendak menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negara ini sehingga pada saat ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan itu bukan kepada Yang Berhormat Menteri. (Ketawa) Itu kepada parti Pembangkang. Saya tidak benarkan dijawab.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa keadaan yang serius berlaku mengenai masalah, sama ada pendatang haram atau masalah refugees. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada Kerajaan Malaysia bercadang menghubungi negara-negara ASEAN untuk merumus satu jalan yang sesuai, yang wajar untuk mengatasi masalah itu, oleh sebab masalah ini bukan terhad kepada negara Malaysia sahaja, tetapi ianya meliputi juga negara-negara ASEAN yang lain, seperti Indonesia, Singapura dan lain-lainnya.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih.

Memang ada perhubungan yang kita buat dengan Indonesia dan Singapura dengan hal ini dan pemikiran itu digabungkan untuk dibawa juga ke Geneva di mana perkara ini akan dibincangkan di peringkat antara-bangsa.

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam keterangan sama ada semalam atau hari ini, Yang Berhormat Menteri berkenaan telah menyatakan bahawa ada meletakkan perbezaan antara pendatang-pendatang daripada Vietnam juga dari Philippines. Apakah di antara garis-garis perbezaan itu ialah kerana Kerajaan mengsyaki adanya sindiket yang mengatur kedatangan orang-orang Vietnam ke Malaysia?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, bukan oleh kerana ada atau tidaknya sindiket, itu hanya cara keluar, tetapi keadaan di dalam negara Vietnam sekarang sudah tidak ada peperangan, sudah berapa tahun tidak ada peperangan, tetapi di Philippines sekarang ini sedang ada sengking yang hebat. Jadi, yang lari itu adalah perempuan, orang tua dan anak-anak kecil, melarikan diri daripada keadaan peperangan yang betul-betul sekarang sedang terjadi. Itulah perbezaannya.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa perbincangan pihak Kerajaan dengan Perdana Menteri Vietnam semasa beliau melawat Malaysia tidak begitu berhasil. Ingin saya tahu di sini, pernahkah Kerajaan berunding tentang pelarian-pelarian yang berjumlah 92,000 yang datang daripada Filipina Selatan bertempat di Sabah dengan Kerajaan Filipina setakat ini dan adakah Kerajaan bercadang untuk memulakan perbincangan dengan Filipina supaya menghantar balik semua pelarian daripada Vietnam dan Filipina Selatan supaya beban yang kita pikul itu boleh dikurangkan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, di sini ada dua perkara. Pertama, dengan Filipina dan kedua dengan Vietnam.

Berkenaan dengan Filipina, perkara ini sudah juga kita bawa kepada Kerajaan

Filipina yang sentiasa akan menerima balik orang-orang ini kalau mereka hendak balik, tetapi keadaan begitu rupa maka pelarian ke Sabah itu tidak mahu balik pada masa sekarang.

Begitu juga dengan Kerajaan Vietnam kita berhubung dan saya sendiri ada bercakap dengan Perdana Menteri Vietnam di mana dia sendiri berkata pada satu ketika kelak, kalau orang itu hendak balik, dia sedia menerima semula. Jadi segala usaha yang kita buat pada masa ini iaitu usaha bagaimana hendak menjaga keadaan negara kita supaya jangan yang datang dari Vietnam itu begitu ramai membawa kepada satu keadaan yang boleh membawa kecelakaan kepada negara kita.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Pembangkang dan juga pihak DAP nampaknya beria-ia benar untuk membela pelarian daripada Vietnam ini dan menyatakan peri kema-nusiaannya terhadap pelarian ini, tetapi adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kedatangan pelarian Vietnam itu akan menyuburkan anasir subversif di dalam negara ini?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, itu adalah soal agak-agak, kita bukan menghadapi perkara ini dengan cara begitu.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Speaker, Sir, may I have your permission to speak in English?

**Tuan Yang di-Pertua:** Nampaknya Ahli Yang Berhormat seorang sahaja yang bercakap Inggeris dalam Dewan ini. Tak mampalah di bawah Akta Bahasa dibolehkan.

**Tuan Fung Ket Wing:** (*Dengan izin*) Does the Minister also know that the Filipino refugees in Sandakan have caused a lot of problems like murdering taxi-drivers and robbing in the squatter areas in Sandakan, and almost all over the State. This is a serious problem. Also some of the fishing boats have been taken away and the fishermen have been forced into the water and some of them have drowned in the water. This is also a serious problem in Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalan tambahannya? Nanti dahulu! Apakah soalan tambahannya?

**Tuan Fung Ket Wing:** I also want to know what action is taken to stop this thing happening?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita nampak gambaran di Sabah oleh kerana ada refugees itu maka jenayah bertambah. Itu kita nampak. Dan adalah menjadi satu tanggung-jawab bagi pihak Kerajaan untuk menjaga supaya jangan perkara ini merebak, tetapi memang benar ada perkara jenayah terjadi.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Benarkah ada senjatapi termasuk senjatapi otomatik dijumpai di kalangan pendatang haram ke Trengganu, dan jika benar, apakah senjatapi itu diserahkan kepada polis atau dirampas oleh polis?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua biasanya senjatapi itu diserahkan kepada polis, tetapi biasanya juga sama ada diserahkan atau tidak, memang segala kapal atau perahu itu diperiksa dan sekiranya dijumpai bukan sahaja senjata begitu, tetapi kalau ada senjata seperti pisau atau parang yang berupa merbahaya, itu pun juga diambil oleh pihak Polis.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan bahawa negara Vietnam itu tidak ada apa-apa peperangan sekarang ini sedangkan rakyatnya begitu ramai datang berhijrah ke negara kita walaupun di larang. Adakah Kerajaan bersetuju kedatangan mereka itu dianggap sebagai kedatangan musuh dan kita hendaklah memusnahkannya sebagai memusnahkan musuh.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Itu soalan lain.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan adakah beliau sedar dalam minggu ini sahaja dalam daerah saya Kota Tinggi ada dua rombongan telah sampai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini rombongan apa? Pelawat?

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Pelarian Vietnam. Dan soalan saya yang kedua, daripada penjelasan Menteri yang berkenaan daripada hari semalam dan sebelumnya, saya tidak berapa jelas, adakah pelarian yang datang itu terdiri dari satu keturunan bangsa Vietnam atau bangsa-bangsa lain?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Yang kita tahu pelarian yang datang baru-baru ini bukan sahaja di Johor tetapi juga di Trengganu dan Pahang boleh dikatakan 60% adalah orang-orang yang berasal dari bangsa Cina, yang lain itu adalah berasal rakyat asli Vietnam.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau boleh saya mengulangi perkara Sabah, kita sangat suka hati mendengar bahawa Menteri berkenaan sedar mengenai masalah law and order yang timbul di Sabah akibat menerima pelarian Filipina di Sabah, sungguhpun nampaknya tidak ada apa-apa tindakan yang berkenaan yang ada diambil, bolehkah oleh kerana masalah ini bukan sahaja menimbulkan masalah law and order yang digambarkan dengan tambahan insiden jenayah tetapi masalah sosio-ekonomi juga terlibat. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbang bagi mengadakan satu jawatankuasa untuk mengkaji pada keseluruhannya masalah sosio-ekonomi dan law and order yang timbul daripada masalah pelarian yang datang ke Sabah dan juga masalah yang akan datang lagi oleh pelarian yang datang dan lain-lain yang bersangkutan paut.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mengatakan saya mengakui bahawa ada pertambahan dari segi jenayah, tetapi bukan bermakna sudah tidak ada langsung law and order in Sabah, bahkan Sabah adalah satu tempat yang kalau dibandingkan dengan States lain adalah atau tempat yang paling aman, walaupun ada problem refugees di sana. Jadi tidaklah sampai waktu pada masa sekarang, pada hemat Kerajaan supaya kita akan mengadakan satu jawatankuasa atau satu badan untuk membuat enquiry berkenaan dengan perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Yang Choong Fu. Tidak hadir.

*(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Yang Choong Fu tidak hadir)*

### PENDAFTAR DAN PEMERIKSA KERETA MOTOR, SUNGEI PETANI

6. **Tuan Hashim bin Endut** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah sebuah Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta Motor akan dibina di Sungei Petani untuk menyediakan kemudahan-kemudahan untuk pendaftaran dan pemeriksaan kereta motor bagi Daerah Kedah Tengah dan Kedah Selatan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

**Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian belum ada peruntukan untuk mengadakan sebuah Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor di Sungei Petani, Kedah, tetapi perkara membina sebuah pejabat di tempat itu ada di dalam pertimbangan Kerajaan di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga.

### BANK RAKYAT

7. **Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (i) pada 31-12-77 berapa juta ringgit Bank Rakyat telah rugi;
- (ii) sebab-sebab kerugian ini; dan
- (iii) sama ada Kerajaan ingin menangkap pegawai-pegawai yang berkenaan dan mendakwa mereka di Mahkamah.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan membentangkan satu Kertas Putih mengenai kedudukan Bank Rakyat ini. Segala keterangan-keterangan yang berkaitan akan dibentangkan di dalamnya. Oleh sebab semua keterangan dan butir-butir yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat di dalam soalan ini akan terdapat dengan lebih jelas di dalam Kertas Putih itu nanti, adalah lebih baik bagi Ahli Yang Berhormat itu bersabar menunggunya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Kerajaan melapangkan masa untuk mengadakan satu perbahasan atas Kertas Putih itu dalam sidang ini?

**Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, Kertas Putih ini jika keadaan dan masa mengizinkan akan dibentangkan semasa persidangan ini juga, tetapi sama ada Kertas Putih itu akan diberi beberapa hari untuk dibahaskan, itu terpujalah kepada peraturan-peraturan Dewan ini.

### UNDANG-UNDANG HAKCIPTA

**8. Tuan Alias bin Md. Ali** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menerangkan sebab-sebab kelengahan menyediakan undang-undang hakcipta. Adakah Menteri sedar bahawa kelambatan itu menyebabkan merebaknya kejadian rompak cetak buku-buku dan pita rakaman serta piring hitam lagu-lagu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu itu, negara kita memang sedia ada satu Akta Hak-hak Cipta semenjak tahun 1969. Akta Hak Cipta ini adalah bertujuan untuk memberi perlindungan yang secukupnya kepada karya-karya seni intelektual dan perindustrian yang dihasilkan oleh warganegara Malaysia dan orang-orang yang menetap di negara ini ataupun karya-karya yang berasal dari negara ini. Karya-karya tersebut termasuklah karya sastra, karya muzik, karya seni, filem dan wayang gambar, rakaman bunyi dan siaran. Barang siapa yang berasa bahawa hasilnya telah dirompak oleh orang lain, bolehkah mengambil tindakan mahkamah di bawah Akta ini secara tersendiri.

Kementerian saya sedang mengkaji Akta ini dan pindaan-pindaan yang perlu akan dibuat untuk memperkukuhkan lagi. Walau bagaimanapun, sebelum apa-apa pindaan boleh dibuat, kajian yang mendalam mestilah dijalankan supaya pindaan-pindaan ini akan berkesan dan memberi faedah kepada pihak-pihak yang berkenaan.

### TV MALAYSIA KE SARAWAK/SABAH

**9. Tuan Chieng Tiong Kai** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah T.V. Malaysia akan meluaskan Saluran II ke Sarawak dan Sabah, jika ya, bila.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato Haji Embong bin Yahya):** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah sama seperti soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli dari Padawan, dan jawapannya telah diberi oleh Kementerian saya pada 15hb November, 1978.

### PEGAWAI PENGUATKUASA LALULINTAS

**10. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau akan mengadakan pegawai-pegawai penguatkuasa untuk mengawas lalulintas yang lari dengan lajunya walaupun had laju telah ditetapkan di samping pengawasan oleh polis lalulintas.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pengangkutan Jalan pada masa ini sudah ada mempunyai pegawai-pegawai penguatkuasa untuk menguatkuasakan undang-undang lalulintas termasuk perkara-perkara mengenai kelajuan kenderaan yang lebih daripada kelajuan yang ditetapkan. Bagaimanapun cadangan sedang ditimbang oleh Kerajaan bagi menambah lagi pegawai-pegawai penguatkuasa ini untuk memberi kesan yang lebih dan meliputi atas pelaksanaan undang-undang tersebut.

### HUKUMAN MATI DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

**11. Tuan Chan Teck Chan (di bawah S.O. 24 (2))** minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada beliau bercadang mengulangkaji kes-kes di mana seseorang itu didapati salah dan dihukum mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sebelum sikap terhadap Akta tersebut berubah di mana tuduhan-tuduhan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri telah dipinda.

**Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, Menteri Undang-undang secara

persendirian tidak mempunyai kuasa untuk mengulangkaji kes-kes di mana seseorang telah didapati bersalah dan dihukum mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Soal mengulangkaji kes-kes sedemikian adalah menjadi tanggungjawab Jumaah Pengampunan bagi Kes-kes Keselamatan.

Dalam hubungan ini perlu diingat tiada perubahan sikap tentang pendakwaan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri seperti yang dimakna di dalam soalan Yang Berhormat itu. Pindaan hanya dibuat kerana bersesuaian dengan keadaan pada sesuatu masa dan jua berasas berat ringan (dalam bahasa Inggeris—merit) sesuatu kes itu.

### **PERTIKAIAN ARAB/ISRAEL**

**12. Tuan Mohd. Nakhale bin Haji Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah bentuk sokongan Kerajaan Malaysia kepada negara-negara Arab dan Pertubuhan Pembebasan Palestin, selain daripada menyatakan sokongan terhadap perjuangan mereka yang adil di dalam pertemuan-pertemuan dan persidangan-persidangan antarabangsa; dan
- (b) apakah sikap Kerajaan Malaysia terhadap persetujuan yang telah ditandatangani di antara Mesir dan Israel hasil daripada persidangan kemuncak di Kem David mengenai krisis di Asia Barat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya menganggap soalan Ahli Yang Berhormat ialah mengenai perjuangan Arab dalam konteks pertikaian Arab/Israel. Di samping menyatakan sokongan kita terhadap perjuangan Arab, Malaysia pada masa lalu pernah memberi sumbangan dalam bentuk ubat-ubatan kepada Mesir setelah meletusnya peperangan Oktober, 1973.

Mengenai Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Kerajaan telah memberikan Pejabat PLO di Kuala Lumpur dengan beberapa kemudahan yang terhad termasuk sebuah rumah/pejabat

(tanpa membayar sewa) dan sebuah motokar. Pada 21hb Ogos yang lalu sempena dengan Hari Al Aksa, Malaysia telah mengeluarkan satu setem kenangan Palestin. Hasil jualan hari pertamanya akan disumbangkan untuk tujuan membantu keluarga pejuang-pejuang Palestine yang telah gugur. Jumlah sebenarnya yang kita telah terima adalah \$109,845.45.

- (b) Berkenaan dengan Persetujuan-persetujuan Kem David, Kerajaan Malaysia sentiasa mengalu-alukan apa sahaja inisiatif yang boleh membawa penyelesaian yang penuh dan berkekal kepada pertikaian Arab-Israel. Hanya Malaysia tetap pendiriannya bahawa suatu penyelesaian yang penuh dan adil boleh tercapai apabila terdapat pengunduran Israel dari wilayah Arab yang ditakluk sepenuhnya dan tanpa syarat; termasuk Baitul Muqadis; dan pengiktirafan hak mutlak rakyat Palestin, termasuk hak mereka untuk menentukan masa depan mereka dan menubuhkan negara mereka sendiri.

**Tuan Mohd. Nakhale bin Haji Ahmad:** Tadi Setiausaha Parlimen yang berkenaan telah menerangkan bahawa Kerajaan telah memberi bantuan kepada Mesir. Berapakah jumlah bantuan yang diberi itu?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bantuan kepada Mesir, kita hanya beri bantuan secara bentuk ubat-ubatan.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap beberapa tahun yang sudah pihak Kerajaan atau pihak-pihak persendirian di Malaysia telah menubuhkan Tabong Pembebasan Palestin. Saya ingin bertanya daripada Setiausaha Parlimen yang berkenaan sama ada Tabong ini masih ujud dan kalau masih ujud, siapakah yang mengendalikan urusan Tabong ini?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, itu memerlukan soalan bertulis.

**Tuan Mohd. Nakhale bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu

berapakah nilai ubat-ubat yang diberikan kepada Mesir?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itupun jika Yang Berhormat betul-betul berkehendakkannya, memerlukan soalan bertulis.

**Tuan Mohd. Nakhate bin Haji Ahmad:** Adakah nilai-nilai yang diberi itu seimbang dengan jasa yang telah diberi oleh Kerajaan Mesir membantu pelajar-pelajar kita di sana yang berjumlah hampir 1,000 orang. Adakah pada umumnya seimbang dengan bantuan yang diberikan ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang berkehendakkan fikiran itu tidak dibenarkan oleh Peraturan Mesyuarat.

### PEMBIAKAN IKAN

13. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengekalkan sumber perikanan yang ada, terutama sekali di perairan Selat Melaka. Nyatakan bilangan pukat tunda yang berlesen sehingga 30hb Jun, 1978 dengan mengasingkan bilangan di Pantai Timur dan Pantai Barat, dan nyatakan perkembangan projek percubaan membina tempat pembinaaan ikan dengan menggunakan tayar-tayar kereta yang sudah dipakai, di kawasan perairan Pulau Pinang-Kedah.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh Kementerian saya untuk mengekalkan sumber perikanan yang didapati di lautan Malaysia.

Kementerian saya sentiasa mengawasi hasil tangkapan oleh nelayan-nelayan dagangan dengan cara memungut perangkaan-perangkaan mengenai tangkapan mereka. Di samping itu kajian-kajian mengenai sumber-sumber ikan adalah juga dijalankan melalui kajian pukat tunda dan kajian-kajian ikan dasar laut untuk membolehkan tindakan yang sesuai diambil bagi melindungi sumber-sumber ikan ini dari eksploitasi secara berlebihan dan juga dari pencemaran air. Di Selat Melaka di mana sumber-sumber ikan di dalam keadaan bahaya disebabkan ianya

dieksploitasi secara berlebihan, pengeluaran lesen perikanan baru telah dihentikan buat sementara waktu bagi sumber-sumber ikan di situ. Selain daripada itu perbincangan-perbincangan telah juga diadakan dengan Kementerian-kementerian yang berkaitan untuk merancang langkah-langkah yang sesuai untuk diambil bagi melindungi sumber-sumber ikan dari pencemaran.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan pukat tunda yang berlesen sehingga 30-6-1978 bagi Pantai Timur dan Pantai Barat adalah seperti berikut:

### NEGERI-NEGERI PANTAI BARAT

<i>Negeri</i>			<i>Bilangan Lesen</i>
Kedah	..	..	349
Perlis	..	..	209
Pulau Pinang	..		191
Perak	..	..	1,421
Selangor	..	..	415
Johor Barat	..	..	311
			<b>Jumlah Lesen 2,796</b>

### NEGERI-NEGERI PANTAI TIMUR

<i>Negeri</i>			<i>Bilangan Lesen</i>
Kelantan	..	..	148
Trengganu	..	..	358
Pahang	..	..	290
Johor Timor	..	..	299
			<b>Jumlah Lesen 1,095</b>

Projek terumbu tiruan bukanlah merupakan suatu percubaan pembiakan ikan. Objektifnya ialah untuk mewujudkan tempat yang selamat bagi membolehkan ikan-ikan berkumpul. Program terumbu tiruan ini dimulakan pada bulan Mei, 1975 di mana terumbu dibina dengan menggunakan tayar-tayar lama bertempat di Pulau Aman, Pulau Telor dan Pulau Paya. Hasil yang didapati anak-anak ikan kecil dan dewasa terdiri dari Ikan Merah dan Ikan Terapu hidup secara berkumpul. Nelayan-nelayan tempatan Pulau Aman yang menangkap ikan dengan menggunakan pancing di kawasan terumbu ter-

sebut melapurkan yang ianya mendapat tangkapan yang memuaskan. Lain pemerhatian ialah didapati berlakunya pertumbuhan organisma terumbu karang seperti Tiram, Siput Sudu dan sebagainya di tayartayar tersebut.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, apakah penggunaan pukut-pukat tunda ini mempunyai had-had yang tertentu misalnya 12 batu dari pantai dan kalau sekiranya ada sekatan-sekatan ini apakah langkah-langkah pihak Kementerian beliau untuk menentukan bahawa sekatan-sekatan ini dipatuhi.

**Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, ada peraturan-peraturan yang tertentu yang mesti dipatuhi oleh pukut-pukat tunda yang diberi lesen dan pihak Jabatan Perikanan dan Kementerian saya sentiasa mengawasi supaya pukut-pukat tunda ini mengikuti peraturan yang ditetapkan di dalam lesen-lesen yang membenarkan itu.

#### PINJAMAN KEPADA PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI

14. **Tuan P. Patto** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) Jumlah pinjaman, sekiranya ada, yang telah diberi oleh Kerajaan Pusat kepada setiap Perbadanan Kemajuan Negeri setakat ini dan berapa banyak wang pokok dan faedah yang telah diperolehi balik oleh Kerajaan Pusat setakat ini daripada setiap Perbadanan itu dan berapa banyakkah wang pokok yang belum lagi dibayar balik;
- (b) Jumlah keuntungan yang diperolehi oleh setiap Perbadanan itu sejak ia ditubuhkan dan juga jumlah kerugian yang dialami oleh setiap Perbadanan itu;
- (c) Sebab-sebab kerugian dialami oleh setiap Perbadanan yang terlibat itu dan sama ada rasuah dan sikap 'tidak apa' di kalangan sebilangan pegawai-pegawai Perbadanan tersebut menjadi sebab utama kerugian Perbadanan-perbadanan tersebut; dan

(d) Apa langkah-langkah konkrit akan diambil oleh pihak Kementerian serta dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memastikan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri tidak lagi mengalami kerugian.

**Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka menegaskan untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri telah ditubuh untuk menjadi penggerak kepada pembangunan sosio-ekonomi negeri-negeri berkenaan dan usaha-usahanya adalah tertumpu kepada pembangunan infrastruktur dan penyertaan di dalam bidang perdagangan dan perusahaan di dalam usaha penyusunan semula masyarakat. Dengan yang demikian kejayaan tiap-tiap badan itu seharusnya diukur bukan sahaja dari segi untung rugi kewangan tetapi juga keuntungan dari segi sosial.

(a) (i) Jumlah pinjaman untuk pembangunan ekonomi dan sosial yang telah diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri untuk setiap PKEN ialah seperti berikut:

Selangor	\$33,152,769.11
Perak	29,685,761.32
N. Sembilan	39,949,273.97
Melaka	17,496,900.00
Pahang	29,493,000.00
Perlis	24,360,300.00
Pulau Pinang	66,841,918.00
Kelantan	34,809,886.00
Kedah	52,031,963.00
Johor	56,700,000.00
Trengganu	74,818,900.00
Sarawak	27,723,000.00
Sabah	19,450,000.00

(ii) Jumlah wang pokok dan faedah yang telah diperolehi balik oleh Kerajaan Pusat daripada Kerajaan

Negeri setakat iri ialah seperti berikut:

Selangor	\$ 5,361,560.17
Perak	2,778,794.75
N. Sembilan	8,033,658.96
Melaka	1,488,477.29
Pahang	412,865.00
Perlis	22,270.56
Pulau Pinang	30,517,676.85
Kelantan	136,134.60
Kedah	544,362.62
Johor	1,683,820.11
Trengganu	547,334.19
Sarawak	57,312.54
Sabah	1,941,697.90

(iii) Jumlah wang pokok yang belum lagi dibayar balik oleh setiap Negeri ialah:

Selangor	\$7,937,353.25
Perak	873,198.89
N. Sembilan	6,016,233.70
Melaka	2,598,874.07
Pahang	450,399.00
Perlis	578,568.10
Pulau Pinang	1,460,439.20
Kelantan	3,501,340.71
Kedah	1,870,249.74
Johor	364,165.93
Trengganu	1,364,149.71
Sarawak	445,293.44

(b) Jumlah keuntungan atau kerugian dari segi operasi bagi setiap-tiap Negeri sejak ia ditubuhkan adalah seperti berikut:

Selangor - untung	\$ 72.2 juta	(31-10-78)
Perak - untung	4,978,424.85	(31-12-77)
N. Sembilan - rugi	3,195,528.04	(31-12-77)

Melaka - rugi	\$ 1,719,398.61	(31-12-77)
Pahang - untung	9,522,515.92	(31-12-77)
Perlis - rugi	2,411,201.00	(31-12-77)
Pulau Pinang - untung	7,307,760.00	(31-10-78)
Kelantan - untung	1,101,900.05	(31-12-77)
Kedah - rugi	725,637.35	(31-10-78)
Johor - untung	11,798,177.87	(31-12-77)
Trengganu - rugi	3,090,364.52	(31-10-78)
Sarawak - rugi	11,844,049.00	(31-10-78)
Sabah - rugi	8.03 juta	(31-12-77)

(c) Oleh kerana banyak projek-projek yang diusahakan oleh Perbadanan masih lagi di dalam permulaan atau 'infancy stage' dan juga berunsurkan sosial maka keuntungannya tidak boleh dibandingkan dengan perusahaan yang telah maju dan saya menyangkal sama sekali tuduhan-tuduhan rasuah dan sikap tidak apa yang telah ditonjolkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

(d) Memanglah menjadi usaha Kerajaan menerusi Kementerian saya dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri memastikan langkah-langkah tertentu diambil dari masa ke semasa supaya usaha-usaha yang dijalankan oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri pada keseluruhannya akan mencapai matlamat dan memberi faedah kepada rakyat amnya.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya telah memberitahu sebab-musabab kerugian yang dialami oleh beberapa SEDC. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini sebab-musabab yang mengakibatkan beberapa Perbadanan Kemajuan Negeri yang mengalami kerugian? Adakah ini disebabkan malpractices, mismanagement atau disebabkan pegawai-pegawai yang tidak dedikasi?

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Pembangkang itu tidak mahu faham atas jawapan saya tadi, barangkali dia tidur. Izinkan saya mengulang lagi sekali, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak projek-projek yang diusahakan oleh Perbadanan masih lagi di dalam permulaan (infancy stage) dan juga berunsurkan sosial maka keuntungannya tidak boleh dibandingkan dengan perusahaan

yang telah maju dan saya menyangkal sama sekali tuduhan-tuduhan rasuah dan sikap tidak apa yang telah ditonjolkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. .

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, mengapakah peruntukan atau pinjaman yang diberi kepada Sarawak dan Sabah ini hanya \$27 juta? Itu sahaja, harapan saya agar soalan saya itu tidak dianggap sebagai tidur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa sebenarnya ini, Ahli Yang Berhormat dari Simunjan? Kalau buat pertanyaan kepada Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah habis duduk betul; jangan di antara duduk dengan berdiri!

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, pinjaman-pinjaman yang diluluskan kepada tiap-tiap negeri adalah bergantung kepada negeri itu untuk memohon kepada Kerajaan Pusat di atas projek-projek mereka. Kalau sesuatu badan itu tidak ada projek tidaklah ada peruntukan dibuat untuknya.

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri berkenaan menyatakan bahawa salah satu daripada sebab apabila ditanya tentang kerugian ialah kerana projek-projek yang dijalankan itu ialah bertujuan untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat. Jadi apakah dengan cara begitu boleh dianggap sebagai satu sebab kerugian padahal jika itu dilaksanakan juga kalau di dalam perniagaan misalnya juga mempunyai unsur-unsur berkhidmat kepada masyarakat dan boleh membuat keuntungan.

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi pembangunan-pembangunan yang diusahakan oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri banyak berhubung dengan pembangunan-pembangunan infrastruktur yang tidak memberi keuntungan yang begitu lumayan atau dengan cepat mendapat balik pelaburan itu. Jadi kalau kita bandingkan dengan usaha-usaha seperti yang dijalankan oleh pihak swasta yang mana keuntungannya adalah dari segi kewangan, maka tidaklah dapat kita membandingkan oleh kerana tiap-tiap pelaburan itu tidak semestinya bagi

pihak Kerajaan mencari keuntungan dari segi kewangan sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa salah satu sebab yang mengakibatkan kerugian PKEN di beberapa negeri ialah boleh kata sikap kecekapan dan kelayakan pegawai-pegawai dalam SEDC di mana bukan sahaja di beberapa tempat mereka boleh kata out of their depths, tidak tahu sebenarnya urusan-urusan mereka untuk menjalankan atau mencapainya matlamat-matlamat aktiviti dan tetapi pun dengan mudah mereka dialatkan oleh tokoh-tokoh politik tempatan ataupun pihak-pihak swasta menggunakan mereka atau SEDC untuk mendapat keuntungan sendiri.

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Saya tidak setuju sama sekali di atas pendapat yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu. SEDC-SEDC telah ditubuh oleh Kerajaan dan mereka ini semuanya dianggotai oleh pegawai-pegawai muda. Tetapi mereka tidak sekali digunakan sebagai alat kepada tokoh-tokoh politik yang tertentu atau swasta. Semuanya Perbadanan-perbadanan ini adalah politically oriented, oleh kerana itu mereka menjadi badan-badan penggerak kepada pembangunan-pembangunan ekonomi dan sosial, yang menjadi perjuangan politik Barisan Nasional.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini pada masa PAS memerintah negeri Kelantan dahulu SEDCnya untung atau rugi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan lain (*Ketawa*). Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah?

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ini merupakan konsep baru dan baru sahaja ditubuhkan dan juga ini merupakan sebagai suatu business venture dan juga memandangkan kepada laporan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi terdapat beberapa negeri membuat keuntungan besar umpamanya Johor \$9 juta, Pahang \$9 juta, Perak \$4 juta, walaupun terdapat negeri-negeri yang mengalami

kerugian. Adakah kalau dilihat dari segi business ini merupakan sebagai satu kejayaan kepada projek Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang disebutkan tadi?

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Pada keseluruhannya boleh dikatakan semua Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri telah mendapat kejayaannya dari segi matlamat tiap-tiap negeri berkenaan. Ada negeri-negeri yang bernasib baik oleh kerana dekat dengan secara fizikalnya, keadaan negeri itu dekat dengan segala kemudahan-kemudahan maka senanglah mereka itu menjalankan perusahaan-perusahaan dan juga di dalam segi pembangunan infrastruktur dengan harga kos yang lebih rendah maka dari segi itu keuntungannya adalah lebih daripada negeri-negeri yang lebih mundur lagi.

**Tuan Chan Teck Chan:** Nampaknya bukanlah saya hero sebenarnya, Menteriilah yang sungguh memahami masalah yang dihadapi oleh PKEN-PKEN. Saya berikan satu contoh di negeri Melaka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, soalan tambahannya apa? Sekarang ini bukan masa hendak berbahas!

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahannya ialah adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa saya ada tiga kali melaporkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai kecekapan pentadbiran dan mismanagement dan juga penyelewengan untuk melaksanakan projek-projek khususnya projek perumahan di Negeri Melaka di bawah Sekim PKEN. Kerana saya dapati perkara itu akan mengakibatkan kerugian yang dialami oleh PKEN ialah seperti yang saya sudah nyatakan iaitu 'not a success' dan juga pengurusan yang tidak betul dan pegawai-pegawai yang kurang dedikasi. Saya sudah memberikan laporan. Di sini, saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat Menteri akan menubuhkan satu pasukan petugas untuk menyiasat faktor-faktor yang mengakibatkan PKEN-PKEN di beberapa negeri mengalami kerugian. Dan janganlah dijadikan alasan bahawa sosial untuk menutup kepincangan-kepincangan yang didapati

di dalam PKEN ini adalah sangat serius. Kalau kita cuma larikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Saya tidak bersetuju sama sekali di atas anggapan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu berhubung dengan penyelewengan oleh pengurusan-pengurusan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan saya tidak berhajat untuk menubuhkan satu pasukan petugas. Seperti yang diterangkan oleh saya di dalam jawapan tadi, bahawa kami akan sentiasa meneliti usaha-usaha yang dijalankan oleh semua perbadanan-perbadanan.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, adakah keuntungan Perbadanan Kemajuan Iktisad Kerajaan Negeri Kelantan sebanyak \$1 juta lebih sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri itu setakat 11hb Mac, 1978 ataupun termasuk sebelum 11hb Mac, 1978 di Kelantan.

Yang kedua, apakah pihak Yang Berhormat Menteri menyediakan satu program bayaran balik semua pinjaman-pinjaman itu bagi tiap-tiap negeri.

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama ialah keuntungan itu ialah angka pada 31hb Disember, 1977.

Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, di atas soalan yang kedua itu saya tidak berapa faham, apakah maksudnya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila ulang lagi soalnya.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Soalan kedua, apakah Yang Berhormat Menteri menyediakan satu program bayaran balik bagi semua pinjaman-pinjaman untuk tiap-tiap negeri. Ertinya dengan lain-lain perkataan tidaklah ikut suka negeri-negeri itu membayar balik pinjaman-pinjaman itu kepada Kerajaan Pusat.

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Tiap-tiap pinjaman memang ada jadual-jadual bayaran balik yang tertentu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa soal jawab sudah selesai.

*(Jawapan bagi Pertanyaan No. 5 adalah diberi di bawah ini).*

### MAKTAB PERGURUAN

5. **Tuan Yang Choong Fu** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan kolej-kolej atau instituti-institusi latihan perguruan dan di mana letaknya di dalam negara ini. Adakah Kerajaan merancang untuk mendirikan lebih banyak lagi kolej-kolej latihan perguruan. Jika ya, di mana dan bilakah kolej-kolej ini akan dibina.

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa Hitam):** Maktab-maktab Perguruan yang sedia ada ialah seperti yang berikut:

<i>Tempat</i>	<i>Bilangan Maktab</i>
<i>Semenanjung Malaysia</i>	
Pulau Pinang ..	3 (termasuk 1 maktab sementara)
Ipoh .. ..	2 (termasuk 1 maktab sementara)
Tanjong Malim ..	1
Kuala Lumpur ..	5
Petaling Jaya ..	1
Seremban ..	1
Melaka .. ..	1
Johor Bahru ..	2
Kota Bharu ..	1
Kuala Trengganu	1
Pahang .. ..	1 (maktab sementara)
Jumlah ..	19
<i>Sabah</i>	
Kota Kinabalu ..	1
Tuaran .. ..	1
Sandakan ..	1
Jumlah:	3
<i>Sarawak</i>	
Kuching .. ..	1
Binatang .. ..	1
Sibu .. ..	1
Jumlah ..	3
<b>JUMLAH BESAR ..</b>	<b>25</b>

Dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga (1976-1980) 7 buah maktab perguruan telah dirancangan dibina, seperti yang berikut:

<i>Tempat</i>	<i>Bilangan Maktab</i>
Sungei Petani ..	1 (untuk menggantikan sebuah maktab sementara di Jalan Northam, Pulau Pinang—sedang dibina)
Ipoh .. ..	1 (untuk menggantikan sebuah maktab sementara di Ipoh Baru—sedang dibina)
Kuala Trengganu	1 (sedang dibina)
Kuantan .. ..	1 (untuk menggantikan sebuah maktab sementara di Truntom—sedang dibina)
Batu Pahat ..	1 (untuk menggantikan Maktab Mohd. Khalid di Johor Bahru)
Keningau ..	1
Miri .. ..	1 (menggantikan Maktab Perguruan Sarawak di Sibu yang masih dalam peringkat tawaran)

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

#### DAN USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 dan Anggaran Pembangunan, 1979 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (22hb November, 1978).

*Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.*

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada 16 Kementerian lagi yang Anggaran Belanjawannya hendaklah ditimbang oleh Majlis ini. Tetapi ada 9 hari sahaja lagi iaitu termasuk hari ini untuk menyelesaikan masalah ini. Dengan sebab itu, pada hari ini sebagaimana saya umumkan semalam Majlis akan menimbang Anggaran Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan setelah itu Kementerian Pertahanan.

Dan saya tetapkan sekarang iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawabnya tidak lewat daripada pukul 4.45 petang, dan saya berharap Yang Berhormat Menteri selesai menjawab pada pukul 5.15 petang.

Kemudian, saya akan minta Yang Berhormat Menteri Pertahanan mengemukakan Anggaran Belanjawannya.

Dan saya minta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya tidak bercakap lebih daripada 10 minit. Dan kepada Pengerusi ini, saya harap semua Ahli-ahli, janganlah menyebut "Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi," "Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua." Sekarang dalam Jawatankuasa—Pengerusi; cakap 'Pengerusi'—habis! Tidak usahlah panjang-panjang dengan "Yang Berhormat Tan Sri," "Datuk." (*Ketawa*) "Haji" lagi belum masuk! Ikutlah di dalam Aturan Urusan Mesyuarat, iaitu "Tuan Yang di-Pertua" kalau di dalam Majlis Mesyuarat dan Jawatankuasa ini, "Tuan Pengerusi"—selesai. "Yang Berhormat Tan Sri Datuk" pun kalau cakap panjang kena tahan juga (*Ketawa*). Jadi dengan ini dapat meringkaskan masa.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengemukakan anggaran perbelanjaannya untuk Maksud B. 26 dan B. 27 dan Maksud P. 26 dan P. 27. Sila.

*Maksud B. 26 dan B. 27 (Jadual)—  
Maksud P. 26 dan P. 27 (Anggaran Pembangunan, 1979)—*

3.36 ptg.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mak Hon Kam):** Tuan Pengerusi, saya memohon supaya anggaran belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi tahun 1979 di bawah Maksud Bekalan B. 26 sebanyak \$23,500,000 dan Maksud Pembangunan P. 26 sebanyak \$6,389,050 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada jadual.

Di samping itu saya juga memohon supaya anggaran belanjawan Jabatan Muzium bagi tahun 1979 di bawah Maksud Bekalan B. 27

sebanyak \$2,094,000 dan Maksud Pembangunan P. 27 sebanyak \$1,010,000 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada jadual.

Perbelanjaan yang diminta untuk tahun 1979 ini adalah untuk membolehkan Kementerian saya meneruskan aktiviti-aktiviti menyusun semula masyarakat, membasmi kemiskinan, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan memberi kemahiran kepada rakyat menerusi bidang-bidang kebudayaan, belia dan sukan.

Dalam bidang Kebudayaan, Kementerian saya akan terus mempergiatkan aktiviti-aktiviti bagi membentuk, memupuk dan memulihkan satu kebudayaan Kebangsaan yang bertujuan untuk mengukuhkan perpaduan rakyat, mengujudkan keperibadian kebangsaan dan memperkayakan serta mempertimbangkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian agar seimbang dengan pembangunan sosio-ekonomi.

Bagi tujuan tersebut peruntukan sebanyak \$2,714,000 di bawah Anggaran Belanja Mengurus telah diperuntukkan dalam tahun 1979 bagi membolehkan Bahagian Kebudayaan meneruskan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan penerbitan, mendidik dan memperkembangkan bakat-bakat kesenian kebangsaan. Di samping itu dalam tahun 1979 ini Bahagian Kebudayaan akan menubuhkan Yunit Perhubungan dan Urusetia Kebudayaan yang akan memberi khidmat Urusetia kepada Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan dan Jawatankuasa-jawatankuasa Penyelaras Kebudayaan Kebangsaan serta membuat perhubungan dengan badan-badan kebudayaan luar negeri.

Aktiviti-aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan oleh Bahagian ini adalah melibatkan semua kaum. Melalui kursus, bengkel, seminar, ceramah, pertandingan, permainan dan pesta-pesta yang dianjurkan, semua kaum dapat mengambil bahagian. Sehingga ini lebih daripada 49,000 orang bukan Melayu telah menyertai kegiatan-kegiatan tersebut dan bilangan ini bertambah dari masa ke semasa.

Hasrat dan kegiatan Kementerian ini untuk memupuk nilai-nilai Kebudayaan Kebangsaan akan menjadi lebih berkesan dan sempurna

lagi apabila pembinaan kompleks Budaya Negara terlaksana dengan sepenuhnya nanti. Kompleks Budaya Negara yang akan menjadi makmal atau pusat untuk mengembangkan Kebudayaan Kebangsaan, antara lain mengandungi sebuah Panggung Negara yang dijangka menelan belanja \$16 juta. Pembinaan peringkat pertama Panggung Negara ini dijangka akan dilaksanakan dalam tahun 1979 nanti. Adalah diharapkan apabila siap nanti Kompleks Budaya Negara akan menjadi tempat semua kaum.

Tuan Pengerusi, Kementerian saya sentiasa menyedari betapa besar dan pentingnya peranan yang dimainkan oleh kaum belia dalam pembangunan, perpaduan, keselamatan dan kepimpinan masa depan negara. Oleh itu dalam tahun 1979 Kementerian ini telah menyediakan peruntukan sebanyak \$12,161,000 kepada Bahagian Belia untuk membolehkan Bahagian ini menjalankan aktiviti-aktiviti bagi melahirkan belia-belia yang berdisiplin, berkemahiran, bersatupadu dan bertanggungjawab kepada pembangunan dan keselamatan negara.

Peruntukan Bahagian Belia ini ialah 51.75% daripada jumlah Anggaran Belanja Mengurus Kementerian ini. Selain daripada itu di bawah Anggaran Pembangunan pula peruntukan sebanyak \$1 juta disediakan untuk menambahkan kemudahan di Pusat Latihan Belia Dusun Tua dan Pusat Latihan Belia Negara Pertak.

Sebagaimana telah maklum, kejayaan pusat-pusat latihan belia yang tersebut di atas memang tidak dapat dinafikan lagi. Sehingga ini Pusat Latihan Belia Dusun Tua telah berjaya memberi latihan kepada 15,999 orang dalam bidang disiplin dan 6,450 orang dalam bidang kemahiran. Dalam tahun 1979 adalah dijangka Pusat Latihan Belia Dusun Tua akan dapat memberi latihan kepada 1,200 orang belia manakala Pusat Latihan Belia Negara Pertak pula akan memberi latihan kepimpinan dan kemahiran kepada 420 orang belia dan beliawanis.

Selain daripada latihan melalui pusat-pusat latihan di atas, Kementerian saya juga menganjurkan Latihan Sambil Bekerja di tiap-tiap buah negeri di mana dalam tahun 1979 dijangka seramai 2,000 orang

belia akan mengikuti rancangan ini. Di samping itu satu rancangan baru iaitu Rancangan Belia Berniaga yang bertujuan menggalakkan belia-belia menceburkan diri dalam perniagaan atau menjadi usahawan-usahawan muda telah diperkenalkan. Sehingga ini seramai 1,619 orang belia yang sebelum ini telah mendapat latihan kemahiran di Pusat-pusat Latihan Belia telah diberi latihan dalam bidang perniagaan pula. Usaha-usaha ini dijalankan dengan kerjasama ajensi-ajensi Kerajaan yang lain seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara, MARA dan lain-lain lagi. Sehingga ini sebanyak 119 buah pusat perniagaan yang dikendalikan oleh 390 orang belia telah dapat diwujudkan.

Untuk membolehkan belia-belia melibatkan diri dalam bidang perniagaan yang lebih besar maka Koperasi Belia Nasional (KOBENA) telah ditubuhkan pada 14hb November, 1976. Pada masa ini KOBENA telah melibatkan diri dalam bidang perniagaan yang berkaitan dengan pengangkutan, binaan, bekalan dan percutakan di mana setengahnya dibuat dengan cara usahasama dengan Koperasi Belia dan Badan-badan perniagaan lain.

Selaras dengan matlamat Buku Hijau dan hasrat Kerajaan hendak meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar, Kementerian saya telahpun meneruskan projek Belia Peladang. Sehingga ini sebanyak 1,224 projek telah diwujudkan dan telah memberi peluang pekerjaan kepada 9,000 orang belia. Menyedari tentang kepentingannya maka dalam tahun 1979 peruntukan sebanyak \$2,339,000 telah disediakan bagi projek tersebut. Adalah dijangka sebanyak 1,000 projek baru akan dapat dilaksanakan dalam tahun 1979 nanti.

Untuk menguatkan lagi perpaduan di kalangan rakyat, Kementerian saya berusaha menggalakkan penyertaan kaum bukan bumiputra dalam persatuan/pertubuhan belia. Sehingga ini seramai 276,639 orang belia bukan bumiputra telah menyertai pergerakan belia dan ini merupakan petanda yang baik bagi perpaduan di negara ini. Kementerian saya juga sedar bahawa masalah sosial di kalangan belia seperti penyalahgunaan dadah, keruntuhan moral dan sebagainya perlu diberi perhatian yang se-

wajarnya. Oleh itu rancangan-rancangan yang sesuai menerusi persatuan belia seperti kursus-kursus, penerangan, khemah-kerja dan lain-lain rancangan pembangunan telah dijalankan dan sebahagian daripada rancangan tersebut adalah dengan kerjasama dari agensi-agensi lain.

Tuan Pengerusi, Kementerian saya juga menjalankan aktiviti-aktiviti sukan yang bertujuan bukan sahaja untuk membentuk masyarakat sihat dan meninggikan imej negara malahan juga untuk menyemaiakan semangat perpaduan melalui sukan. Oleh kerana itu dalam tahun 1979 sejumlah \$3,069,000 daripada Anggaran Belanja Mengurus telah diperuntukkan bagi kegiatan-kegiatan dalam bidang sukan. Usaha-usaha untuk memajukan dan meninggikan mutu sukan serta menggalakkan penglibatan orang ramai dalam bidang tersebut sedang dijalankan. Latihan-latihan yang sistematik kepada pemain-pemain yang berbakat dan Jurulatih-jurulatih sukan telah diadakan. Pusat sukan Kuala Lumpur telah ditubuhkan dengan menyediakan kemudahan-kemudahan latihan sukan. Langkah-langkah yang dijalankan itu juga adalah selaras dengan hasrat Kementerian ini untuk menentukan supaya pemain-pemain yang berkebolehan dan mempunyai mutu yang baik akan mewakili negara ini dalam pertandingan-pertandingan antarabangsa. Di samping itu untuk menarik minat orang ramai terhadap sukan, Kementerian saya mulai tahun 1979 akan mengelolakan Minggu Sukan Kebangsaan serentak dengan upacara Penganugerahan Olahragawan/Olahragawati Terbaik.

Tuan Pengerusi, untuk melicin dan menyempurnakan kegiatan kebudayaan, belia dan sukan, Kementerian saya berusaha mengadakan kemudahan-kemudahan fizikal seperti membina Tapian Gelanggang di tiap-tiap buah negeri dan lain-lain lagi. Dalam tahun 1979 sejumlah \$4,050,000 daripada Anggaran Peruntukan Pembangunan adalah disediakan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan fizikal. Sehingga ini tiap-tiap buah negeri telah mempunyai Tapian Gelanggang masing-masing kecuali di Sabah dan Kelantan yang masih dalam proses perancangan. Pembinaan peringkat pertama Tapian Gelanggang Negeri Kelantan dijangka akan siap dalam tahun 1979 nanti.

Tuan Pengerusi, peruntukan sebanyak \$2,094,000 di bawah Belanja Mengurus yang diperlukan oleh Jabatan Muzium dalam tahun 1979 ialah untuk membiayai rancangan-rancangan yang akan dijalankan oleh Muzium Negara Kuala Lumpur, Muzium Perak di Taiping dan Muzium Akioloji di Lembah Bujang, Kedah. Di samping itu dalam tahun 1979 juga Jabatan Muzium diperuntukkan sebanyak \$1,010,000 di bawah Peruntukan Pembangunan untuk membolehkan Jabatan tersebut meneruskan pembangunan tapak akioloji Lembah Bujang, pembangunan tapak akioloji pra-sejarah/sejarah, mendapatkan rumah-rumah tradisional, memulih dan memelihara monumen serta kawasan-kawasan bersejarah dan membina bangunan tambahan Muzium Negara.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mohon sekali lagi supaya anggaran di bawah Maksud Bekalan 26 dan 27 serta Maksud Pembangunan 26 dan 27 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada jadual.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B. 26 dan B. 27 dan Maksud P. 26 dan P. 27 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sekarang terbuka untuk perbincangan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar.

3.55 ptg.

**Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali (Kuala Kangsar):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Anggaran Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Izinkan saya menyentuh beberapa aspek yang saya fikirkan penting.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B. 26, Butiran 1100, Aktiviti 4 (i) Penggalakan Sukan dan Riadah. Tujuan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah untuk membentuk, memelihara dan memperkukuhkan satu identiti kebangsaan, semangat perpaduan bangsa dan juga semangat kesukuan antara rakyat berbilang kaum dengan berasaskan satu kebudayaan nasional yang berteraskan kebudayaan tulin di rantau ini di samping memupuk satu masyarakat belia yang sihat bersatu padu, bersifat kepimpinan, berdikari dan ber-

disiplin. Peruntukan yang disediakan ialah \$32,993,050.

Tuan Pengerusi, dalam soal ini saya ingin mengesyorkan untuk mencapai kemajuan dan maksud Kementerian seperti yang diperkatakan, perhatian yang lebih serius harus diberi terutama di bidang kesukanan. Untuk melahirkan ahli sukan yang bertaraf antara-bangsa, latihan kesukanan haruslah diberikan sejak awal-awal lagi, yakni dimulakan di peringkat sekolah primary lagi. Galakan ataupun asuhan latihan sukan hendaklah dipandang sama pentingnya dengan pelajaran Guru-guru pelatih khas untuk sukan mestilah diadakan di tiap-tiap sekolah. Peranan ini tidak boleh diserahkan kepada guru-guru biasa sebagai part-time job kerana mereka ini mempunyai banyak tugas-tugas yang lain.

Tuan Pengerusi, untuk memberikan perangsang kepada belia kita, terutama belia-belia bumiputra kerana mereka ini sangat jauh ketinggalan dalam bidang ini, untuk menarik minat belia-belia menyertai bidang kesukanan dengan lebih serius, saya mencadangkan Kerajaan seharusnya memberikan penghargaan yang lebih berkesan terhadap olahragawan-olahragawan dan juga olahragawati-olahragawati kita yang telah menyumbangkan tenaga mengharumkan negara seperti Wong Peng Soon, Eddie Chong, Ng Boon Bee, Punch Gunalan dan lain-lain lagi. Misalnya penghargaan haruslah diberi setaraf dengan apa yang dilakukan oleh negara tetangga kita, Indonesia. Contohnya, juara badminton Rudy Hartono dan ahli-ahli pasukannya telah dihadiahkan dengan rumah untuk kediaman dan sebagainya. Pada fikiran saya tidaklah memadai sahaja dengan memberikan bintang-bintang kebesaran dan mengumumkan sebagai olahragawati dan olahragawan yang terbaik pada tiap-tiap tahun sahaja kepada jaguh-jaguh kita sebagai mengenang dan memberi penghormatan terhadap pengorbanan mereka. Kita haruslah memikirkan dan memberikan hadiah-hadiah yang istimewa yang boleh dibanggakan oleh mereka sejajar dengan pengorbanan yang diberikan.

Tuan Pengerusi, pada tiap-tiap tahun pertandingan sukan dan olahraga-olahraga diadakan di antara universiti-universiti dan

institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia di kalangan pelajar-pelajar dan kakitangannya. Pihak Kerajaan patut memberikan galakan terhadap usaha-usaha ini. Untuk meluaskan lagi kegiatan ini pertandingan-pertandingan serupa ini haruslah diadakan di antara universiti-universiti dan institusi-institusi pelajaran tinggi di kalangan negara-negara ASEAN. Dengan jalan ini juga kita boleh mengeratkan lagi pertalian muhibbah di antara negara-negara ASEAN.

Tuan Pengerusi, saya rasa buat masa ini koordinasi di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan Majlis Tertinggi Olimpik Malaysia tidak begitu menggalakkan dan usaha mengendalikan kegiatan sukan dan olahraga di peringkat nasional dan antarabangsa. Akibatnya, selalu berlaku pertelingkahan di kalangan pegawai-pegawai dan peserta-peserta. Perkara seperti ini sangatlah merugikan dan haruslah diperbaiki kalaulah benar-benar kemajuan sukan itu adalah untuk negara.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada B. 26, Butiran 2700, Aktiviti (1) (i), muka surat 197. Merujuk di atas perkara ini, saya suka menyentuh tentang apa yang berlaku kepada pemain bola sepak handalan kita, contohnya seperti Soh Chin Aun dan Isa Bakar, mereka ini telah dipecat dari permainan beberapa lama bila didapati melakukan kesalahan (indiscipline). Sungguhpun perkara ini sudah ditarik balik, tetapi perasaan dan semangat kesukanan mereka sedikit sebanyak sudah terjejas dan melemahkan. Pada fikiran saya hukuman ini patutlah dilonggarkan kerana memandangkan ahli-ahli sukan yang benar-benar berkecayaan untuk dipertandingkan di peringkat antarabangsa adalah terhad. Kita haruslah meringankan hukuman ini.

Saya juga mencadangkan cuti lepasan khas untuk pemain-pemain kita diatur supaya mereka dapat menghadiri latihan intensif untuk melayakkan diri dan sudah cukup terlatih apabila sampai masa khidmat mereka diperlukan. Untuk membereskan perkara ini, pihak Kementerian mestilah ada koordinasi dengan Jabatan-jabatan yang berkenaan bagi menentukan bahawa mereka ini dapat kelepasan khas dari tugasnya bila tiba masa untuk menjalankan latihan.

Tuan Pengerusi, saya ingin pula merujuk kepada Maksud P. 26, Butiran 1—Kemudahan-kemudahan Riadah, muka surat 202. Di negeri saya negeri Perak, pihak Municipality Ipoh telah mengumumkan bahawa padang yang indah iaitu Ipoh Padang yang selama ini dianggap sebagai landmark bandar Ipoh sejak zaman datuk nenek lagi akan hilang lenyap untuk dibina bangunan tempat letak kereta oleh Kerajaan. Saya sedar perkara ini adalah masalah State, tetapi saya ingin membentangkan di Dewan yang mulia ini untuk mendapat perhatian Menteri yang berkenaan. Perkara ini sangatlah dikesalkan dan saya merayu, tolonglah dipertimbangkan semula untuk mengekalkan tradisi ini.

Sungguhpun di Perak sudah ada sebuah stadium, tetapi tidak mencukupi untuk menjalankan aktiviti sukan kepada semua peringkat. Saya berharap perkara ini dapat diatasi oleh Kementerian sebagaimana yang telah berlaku di Kuala Lumpur yang mana Selangor Club Padang telah mengalami nasib yang sama tetapi dengan kebijaksanaan kedua-dua belah pihak, cadangan ini telah dibatalkan.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud Pembangunan 27, bertajuk Muzium muka surat 209, Butiran 2700—Bekalan dan Bahan-bahan Muzium telah membuktikan keupayaan mengekalkan tradisi lama kembali hidup di kalangan rakyat berbilang bangsa dan keturunan di negara kita Malaysia. Ini jelas kerana sikap dedikasi pengarahnya menjalankan tugas dengan penuh minat dalam sejarah dan kebudayaan. Tetapi adalah dikesalkan bahawa pihak Muzium tidak begitu mengambil berat tentang tradisi sukan dan jaguh-jaguh sukan yang telah menyumbangkan tenaga dan bakti dengan cemerlang untuk negara.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya pihak Muzium mengambil langkah utama untuk mewujudkan Hall of Fame untuk jaguh-jaguh sukan dan tradisi sukan untuk dipamerkan dan lengkapkan dengan patung atau bust jaguh-jaguh kesukanan kita dengan keizinan mereka dan dileng-

kapkan juga dengan alat-alat kesukanan yang digunakan oleh jaguh-jaguh di masa merebut kejuaraan dunia di masa yang silam yang telah menyebabkan kemasyhuran negara di arena kesukanan tanahair sebagai tanda penghargaan dan kenangan untuk jenerasi yang akan datang.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong Belanjawan Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Ulu Langat.

4.04 ptg.

**Puan Chow Poh Kheng (Ulu Langat):** Tuan Pengerusi, di sini saya ingin merujuk kepada B. 26—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Butiran 1100, Aktiviti (2)—Kebudayaan: (ii) Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan (Culture Development and Promotion).

Kita sedia maklum bahawa negara kita Malaysia ialah sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada berbilang kaum dan mengandungi tiga kaum yang besar. Keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran negara ini bergantung kepada ketiga-tiga kaum ini. Negara kita kaya dengan berbagai-bagai unsur kebudayaan kerana masyarakatnya majmuk. Walaupun kita mempunyai unsur-unsur kebudayaan yang disanjung tinggi dan diakui, alangkah baiknya ia diperkayakan lagi dengan menyerapkan dan mencampuradukkan kebudayaan-kebudayaan ketiga-tiga kaum di negara ini.

Sebagai satu contoh, pertunjukan Tarian Singa adalah melambangkan satu pertanda yang baik dan sebagai satu tanda penghormatan. Begitu juga pertunjukan kom-pang yang melambangkan tanda penghormatan dan merayakan tetamu kehormat. Manakala kaum India pula menaburkan bunga-bunga ke atas ribaan tetamu-tetamu kehormatnya dengan tujuan yang sama. Di sini inginlah saya menyampaikan masalah iaitu sebelum Tarian Singa dapat dipertunjukkan, pihak penganjur terlebih dahulu terpaksa membuat permohonan permit dengan pihak berkuasa hendak menjaga ketenteraman dan keselamatan orang ramai mengikut syarat dan peraturan pertunjukan kesenian ini hanya boleh dipertunjukkan

untuk menyambut tetamu kehormat seperti Menteri-menteri sahaja. Tiga syarat dan peraturan ini dikenalkan dengan ketatnya. Maka saya bimbang kesenian ini akan lenyap pada masa hadapan. Nasibnya akan sama seperti Bangsa Melayu dan Wayang Cina.

Kita banyak memperkatakan tentang hendak memperkembangkan kebudayaan. Oleh itu janganlah kita lupa menimbangkan dan memikirkan nasib kesenian-kesenian yang akan luput itu. Untuk mengatasi masalah ini, permit hendaklah dikeluarkan untuk pertunjukan-pertunjukan tersebut bagi menyambut tetamu-tetamu kehormat tanpa mengutamakan pangkat dan kedudukan.

Begitu juga permit, hendaklah dikeluarkan untuk menyambut hari-hari mulia. Saya difahamkan bahawa sesuatu permohonan permit untuk pertunjukan kesenian Tarian Singa mestilah dibuat dua minggu sebelum tarikh pertunjukan. Ini menimbulkan kesulitan kerana biasanya sesuatu majlis yang hendak diadakan itu ianya dirancangan dua atau tiga hari sebelumnya, sedangkan peraturan mensyaratkan dua minggu sebelumnya. Inilah masalah yang dihadapi oleh para penganjur pertunjukan kesenian ini. Oleh itu, saya harap Yang Berhormat Menteri menimbangkan agar permohonan permit untuk mengadakan pertunjukan kesenian Tarian Singa boleh dibuat dalam jangka dua atau tiga hari sebelum pertunjukan itu dijalankan. Seruan ini dibuat supaya kesenian masyarakat Cina yang beribu-ribu tahun ini dapat dikembangkan semula di Malaysia.

Tuan Pengerusi, merujuk perkara yang sama juga saya ingin menyentuh sedikit mengenai Pentadbiran Am dalam Aktiviti (1) (i) B. 26, Butiran 1100. Daripada apa yang saya lihat Malaysia telah mengambil bahagian dalam berbagai jenis pertandingan sukan yang dianjurkan oleh berbagai badan sukan dunia seperti Sukan SEAP, Sukan Olimpik dan lain-lain sukan. Keputusannya saya dapati bahawa pasukan negara kita menunjukkan taraf yang tinggi dan tidak begitu menggalakkan. Hal ini perlulah diambil perhatian berat. Saya percaya latihan-latihan yang dijalankan dan diberikan kepada mereka tidak mencukupi serta tidak mencapai kepada taraf antarabangsa yang diperlukan.

Sebagai contoh Piala Thomas seolah-olah akan lenyap begitu sahaja dan tidak ada usaha untuk menebusnya kembali. Pemain-pemain dilatih buat beberapa bulan sahaja lamanya sebelum pertandingan diadakan. Cubalah kita lihat di negara-negara lain pasukan mereka menjalani latihan sepanjang tahun.

Di samping kita sanggupkah seorang pemain mengorbankan kerjanya semata-mata kerana untuk menghadiri latihan dan hendak meninggalkan nama baik negaranya. Jika ia meninggalkan kerjanya, apakah akan terjadi kepada periuk nasi dan masa hadapannya. Kalaulah masalah mereka itu tidak dapat diatasi oleh Kerajaan maka sudah tentulah mereka tidak ada pilihan lain. Saya percaya pasukan negara kita akan berkalibar sekiranya pemain-pemain itu mendapat bayaran gaji penuh dari majikan mereka semasa mereka menjalani latihan. Jawatan mereka hendaklah dikekalkan.

Sebagai satu contoh cubalah kita fikirkan iaitu seseorang pemain Piala Thomas mungkin berupaya bermain dalam pasukan nasional kira-kira tiga-empat tahun. Ini pun bergantung kepada kesihatan dan umurnya. Saya percaya, mereka akan menaruh minat dan menumpukan sepenuh perhatian dan kesediaan terhadap sukan jika masalah mereka itu dapat diatasi oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, saya berharap agar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menimbangkan masalah sosial dan ekonomi pemain-pemain negara kita supaya imej negara kita tinggi melalui bidang sukan.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

4.05 ptg.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani):** Tuan Pengerusi, saya sukalah mengambil bahagian di dalam perkara ini dan merujuk kepada B. 26, Butiran 1100, Aktiviti (3) (i)—Belia.

Kedudukan sekarang lebih dari 60% penduduk negara ini ialah kaum belia termasuklah beliawanis. Mereka ini ada setengahnya ahli-ahli persatuan belia tetapi yang banyak tidak masuk di mana-mana pertubuhan, hanya di atas pagar sama ada

untuk menyertai atau tidak, belum tentu. Maka dengan itu pendapat saya mestilah ada satu daya penarik atau tarikan supaya ramai dari muda-mudi ini dengan sendiri suka mencebur diri di dalam persatuan atau pertubuhan-pertubuhan belia ini.

Saya syorkan supaya pegawai-pegawai belia di daerah-daerah membanyakkan masa di luar pejabat, masuk ke bandar dan ke kampung-kampung untuk memberi penerangan dengan sejelas-jelasnya tentang betapa baiknya dan mustahaknya belia itu menjadi ahli persatuan dan faedahnya. Untuk menggalakkan banyak ditubuhkan persatuan ini Kementerian ini patutlah menambah lagi kursus dan seminar berbagai jenis bagi menyedarkan belia-belia ini kerana belia-belia masa ini adalah pemimpin di masa hadapan.

Tuan Pengerusi, menyentuh B. 26 juga Aktiviti (3) (iv)—Perpaduan Belia. Perkara ini sangat mustahak dan penting. Seluruh dunia sedang menumpukan perhatian kepada belia kerana masa depan negara adalah bergantung kepada kekuatan, perpaduan kerjasama, kemajuan dan peranan belia. Maka dengan sebab population sekarang iaitu di bawah umur 25 tahun adalah lebih 60% daripada kaum belia, maka mereka ini mesti digalakkan menolong di antara satu sama lain di masa-masa yang dikehendaki. Mereka juga mestilah digalakkan mengambil bahagian kemasyarakatan, sukan dan kebudayaan dan juga di lain-lain masa lapang dan lain-lain aktiviti supaya menjauhkan mereka daripada penyalahgunaan dadah dan memasuki kumpulan-kumpulan haram yang kita banyak lihat pada masa sekarang.

Tuan Pengerusi, kelab-kelab belia ini adalah tempat-tempat yang sesuai bagi belia-belia menceburkan diri. Jika sekiranya dapat belia-belia dari semua kaum di negara ini didaftarkan di dalam tiap-tiap kesatuan kecuali di kampung-kampung baru yang mana kebanyakannya daripada masyarakat kaum China dan juga di ladang-ladang yang banyak daripada mereka itu daripada kaum India. Jika tidak, patutlah digalakkan semua kaum ini berdaftar di dalam satu-satu kesatuan belia. Tuan Pengerusi, dengan cara ini dapatlah kita memupuk semangat kasih sayang, sefahaman dan betul-betul bagi

menyedarkan mereka bahawa tiap-tiap yang lahir besar dan mendapat didikan mestilah taat setia dengan tidak berbelah bagi kepada negara yang telah memberi serba serbi kemudahan dan kesenangan ini.

Tuan Pengerusi, belia-belia mestilah dibawa kepada jalan-jalan yang dapat memberi perhatian dan pandangan yang berfaedah, dapat mereka memikirkan dengan cara-cara yang dapat mereka berdikari dan juga menukar sikap. Kita bimbang ada setengah belia-belia ini menyalahgunakan kuasa dan ini akan menimbulkan beberapa masalah. Oleh itu, tiap-tiap persatuan belia yang mana pengerusi dan ahli jawatankuasa bagi persatuan itu dimestikan menghadiri dan mengambil bahagian di dalam seminar dan kursus di pusat-pusat latihan mempelajari disiplin dan aktiviti cara berkumpul. Maka dengan ini dapatlah mereka dengan ilmu pengetahuan yang didapati daripada pusat-pusat latihan, kursus-kursus dan seminar, apabila mereka balik ke kampung-kampung dapatlah mereka memandu ahli-ahli belia di dalam persatuan tadi. Sekiranya tidak ada disiplin dan perpaduan maka tidak dapatlah mereka menjalankan peranan yang penting bagi memimpin negara, di sebaliknya akan menjadi perkara-perkara yang kita tidak ingini, membuat kacau bilau yang akan merosakkan mereka sendiri dan juga negara. Maka dengan ini fahaman politik yang tidak sihat akan meracuni fikiran mereka ini. Maka dengan ini perpaduan belia sangat penting dan saya minta kepada persatuan-persatuan dan juga Kementerian Belia sendiri supaya semangat ini dipupuk dengan cara yang baik seperti yang kita tahu semangat pada tiap-tiap belia ini sangat mustahak.

Di bawah B. 26, Aktiviti (4) (i)—Sukan dan Riadah. Sukalah saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya sebuah stadium patut dibina di Sungai Petani memandangkan Sungai Petani adalah bandar yang terletak di bahagian tengah Negeri Kedah. Jika sekiranya ada satu-satu temasya sukan senang bagi peserta-peserta dan orangramai yang hendak menuntun menuju ke Sungai Petani. Misalnya, dari Baling, Kulim, Yan, Sik dan Bandar Baru. Selain daripada itu pula, Sungai Petani adalah bandar yang sedang membangun.

Buat masa ini semua peserta-peserta dan penuntun-penuntun dari Selatan negeri Kedah terpaksa pergi ke Alor Setar yang terletak di bahagian utara negeri Kedah. Stadium yang saya maksudkan itu ialah Stadium Bola Sepak dan Pelbagaiguna. Saya harap perkara ini bukanlah besar dan saya nampak perkara ini mustahak dan sangat-sangatlah berkehendakkan kepada stadium dan saya harap Yang Berhormat Menteri akan menimbangkan perkara ini.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat dari Pagoh.

4.22 ptg.

**Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh):** Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada Maksud Bekalan 26, Butiran 1100—Gaji dan Upahan.

Di dalam konteks ini, saya ingin merangkum semua sekali bidang-bidang khususnya dari segi soal kakitangan-kakitangan dan pegawai-pegawai kebudayaan, belia dan sukan. Satu aspek yang ketara yang dihadapi di kebanyakan kawasan-kawasan dan juga khasnya di negeri Johor ialah masalah kekurangan kakitangan Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan, khususnya di peringkat kawasan-kawasan, daerah-daerah, lebih-lebih lagi kalau daerah itu besar dan luas kawasannya.

Di dalam konteks ini sebagaimana yang kita ketahui pihak Kementerian sekarang ini sedang giat menjalankan berbagai-bagai rancangan dan rancangan ini meliputi bidang-bidang bukan sahaja dalam soal pembangunan ekonomi bahkan juga soal soal yang berkaitan dengan sukan, kebudayaan dan sebagainya. Untuk mencapai matlamat negara supaya kita dapat mengujudkan satu golongan masyarakat yang berkebudayaan tinggi dan dapat diterima oleh masyarakat dunia, maka saya fikir adalah penting dan mustahak kakitangan yang mencukupi disediakan di kawasan-kawasan di seluruh negara ini.

Satu perkara yang ketara juga sebagaimana yang mungkin diketahui, di dalam satu-satu kawasan kerap berlaku di mana seorang pegawai harus menjalankan tugas, peranan dan fungsi yang berlainan, sedang-

kan dari segi orientasi dan juga berkebolehan dan kecekapan pegawai itu, mereka mungkin tidak dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan. Contohnya, sekiranya pegawai itu mempunyai mirip dan orientasi dari segi kegiatan-kegiatan belia sahaja, maka kegiatan-kegiatan lain dari segi sukan dan kebudayaan kerap juga ketinggalan. Ini satu perkara yang saya percaya menyeluruh dan dalam segi ini saya percaya pihak Kementerian haruslah mengambil tindakan pertamanya menambah bilangan kakitangan-kakitangan khususnya pegawai-pegawai belia, pegawai-pegawai sukan dan pegawai-pegawai kebudayaan di tiap-tiap daerah di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menekankan dalam bidang ini apa yang biasa dikatakan bahawa pegawai-pegawai belia di peringkat daerah-daerah lebih merupakan di dalam bahasa Inggeris (*dengan izin*) "Jack of all trades". Saya percaya dari segi matlamat kita untuk melihat kesan yang lebih dari segi rancangan-rancangan yang harus dijalankan oleh belia, maka tertentu pegawai-pegawai yang lebih experience dan lebih expertise di dalam bidang-bidang perlulah diadakan.

Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Dewan kepada Maksud Bekalan 26, Butiran 1100, Aktiviti (3)—Belia di mana berjumlah \$12,161,000 telahpun diperuntukkan bagi maksud tersebut dalam tahun 1979.

Dalam konteks ini saya sukalah memberi pandangan, perhatian yang berat sekarang ini nampaknya ditujukan dari segi mengadakan projek-projek ekonomi dan di dalam konteks ini sebagaimana yang telahpun dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berhubung dengan mengadakan projek-projek Persatuan Peladang, Belia Peladang, Projek-projek Rancangan Belia Berniaga, Rancangan Belia Berjaja, KOBENA dan sebagainya yang saya percaya adalah satu langkah yang wajar, sesuai dengan kehendak dan maksud Dasar Ekonomi Baru. Tetapi sebagaimana yang saya maklumkan tadi perkara dan matlamat ini tidak mungkin dapat kita capai dengan lebih berkesan dan maksud Dasar Ekonomi Baru mungkin tidak dapat berjaya sekiranya penekanan tidak

dibuat supaya projek-projek dan perancangan khususnya dalam bidang ekonomi ini diselenggarakan.

Maksud saya dalam bidang Belia ini, sebagaimana yang tercatat dalam anggaran belanjawan bahawa segala rancangan-rancangan yang kita hendak buat dari segi rancangan belia dan khususnya menuju ke matlamat meningkat usaha-usaha belia dalam bidang ekonomi, maka rancangan-rancangan itu hendaklah disusun mengikut priority yang pertamanya, dan selepas itu rancangan-rancangan ini juga mestilah diselenggarakan dengan program-program yang sedia ada.

Kerap berlaku di mana sesuatu kawasan itu sudah ada projek dirancangan dan dibuat, tetapi tidak ada continuity ataupun penerusan dari segi merancang dan menjalankan projek-projek itu sehingga ada projek-projek terbengkalai dengan sebab-sebab tertentu. Dalam perkara ini, saya percaya adalah perlu dan mustahak dari segi tindakan dan rancangan yang dijalankan oleh Kementerian supaya segala rancangan dan projek itu disusun mengikut keutamaan dan juga penerusan dapat dijalankan, walaupun ada penukaran pegawai dan sebagainya. Ini adalah perlu dari segi matlamat kita untuk melihat kesan yang lebih mendalam dalam usaha-usaha dan rancangan-rancangan yang kita lancarkan.

Dalam konteks ini juga, Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita ketahui rancangan-rancangan pembangunan, khususnya projek-projek yang dijalankan oleh Kementerian-kementerian di peringkat kawasan-kawasan sehingga ini nampaknya seolah-olah kejayaannya ada tetapi dari segi tindakannya masih perlu diperbaiki. Sebab, sebagaimana yang kita sedia maklum kita masih menghadapi masalah kekurangan kakitangan. Jadi dalam hal ini, saya percaya adalah lebih baik dan lebih berkesan sekiranya pihak Jabatan dan Kementerian yang berkenaan mendapatkan kerjasama yang irat, umpamanya dari soal merancang dan melaksanakan projek-projek ekonomi seperti Koperasi Belia Peladang dan sebagainya dengan Kementerian Pertanian. Demikian juga dalam bidang usaha-usaha yang lain.

Saya menyanjung tinggi dan mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang sudahpun mengambil tindakan yang wajar dari segi menubuhkan KOBENA—Koperasi Belia Nasional. Saya merasa musykil, sebab di dalam anggaran belanjawan 1979 tidak ada peruntukan pembangunan diadakan, walaupun saya percaya dari segi rancangan-rancangan KOBENA harus mempunyai rancangan yang besar untuk memperluaskan kegiatannya di seluruh negara. Di dalam aspek ini, saya suka menyentuh satu perkara, sebagaimana yang saya ketahui di peringkat negeri Johor, Koperasi Belia Johor (KOBEO) sudahpun ditubuhkan.

Satu perkara yang saya ingin menyentuh dan memberi pandangan di sini; oleh sebab KOBENA sudah pun ditubuhkan sebagai koperasi di peringkat negara maka sekarang kegiatan-kegiatan koperasi belia di peringkat negeri dan daerah hendaklah juga diselenggarakan. Di dalam hal ini, saya maksudkan dari segi penyertaan yang aktif KOBENA di peringkat negeri-negeri dan juga daerah-daerah. Umpamanya, di Johor KOBEO sudah pun ditubuhkan, tetapi saya kurang faham dan kurang maklum sama ada koperasi ini sudah ditubuhkan dengan mendapat sumbangan secara langsung ataupun direct participation dari segi equity dari segi KOBENA sebab ini penting dan mustahak. Sekiranya KOBENA hendak dijayakan mengikut matlamat Kementerian dan juga di bawah Dasar Ekonomi Baru maka kegiatan KOBEO atau kegiatan koperasi belia di peringkat negeri juga hendaklah mengikut kawalan dan juga bimbingan daripada KOBENA.

Di dalam aspek ini kejayaan KOBENA, saya percaya bergantung kepada kecekapan pegawai, Pengarah-pengarah yang ditugaskan dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek. Sehingga ini saya percaya pihak KOBENA sudah pun menjalankan berbagai-bagai projek tetapi saya percaya usaha-usaha yang lebih gigih boleh dan harus dilaksanakan untuk masa hadapan. Saya percaya dari segi ini juga maka perlulah dilantik Pengarah-pengarah yang cekap untuk menjalankan koperasi ini.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang telahpun saya maklumkan tadi penyelarasan

perlulah dijalankan dan oleh sebab itu di dalam melaksana dan menentukan kejayaan yang lebih dalam usaha-usaha untuk melihatkan lebih ramai kalangan belia kita menyertai dalam projek-projek rancangan-rancangan ekonomi, maka adalah wajar supaya satu jawatankuasa di peringkat daerah dapat ditubuhkan bagi menasihati dan juga membimbing rancangan-rancangan belia khususnya berkaitan dengan koperasi belia dan juga projek belia peladang.

Seperkara lagi berhubung dengan Anggaran Belanjawan ini ialah oleh sebab usaha yang sudah dijalankan oleh Kementerian ini menumpu kepada menarik lebih banyak minat belia-belie dalam soal menyertai dalam bidang-bidang ekonomi maka saya percaya adalah wajar satu yunit Pembangunan Projek ditubuhkan di bawah Kementerian ini. Tugas dan tanggungjawab yunit ini hendaklah menumpukan, merancang dan juga membuat perakuan segala rancangan-rancangan yang patut diceburi oleh pihak belia supaya matlamat kita di bawah Dasar Ekonomi Baru dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan daripada Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.34 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Pengerusi, dalam membahaskan dan menyokong peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini dalam Maksud B. 28 sebanyak \$26.5 juta yang terdapat kelebihan sebanyak \$2,590,000 itu adalah membuktikan yang Kerajaan telah memberi perhatian penuh kepada Kementerian ini. Lebih-lebih lagi di dalam Aktiviti (3) berkenaan dengan Belia yang Kerajaan khasnya Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak \$12,191,000 bagi tahun 1979 ini dengan kelebihan sebanyak \$1,326,444. Ini adalah membuktikan kepercayaan Kerajaan terhadap golongan belia yang bakal menjadi pemimpin negara pada masa akan datang.

Kalau kita menyebutkan fasal kemiskinan nelayan, nelayan mana yang mesti kita

memberi bantuan atau subsidi; kalau kita menyebut fasal petani, maka petani mana yang hendak kita bantu dan sekarang kalau kita menyebut berkenaan dengan belia maka belia mana yang kita hendak bimbing dan belia mana yang kita hendak memberi latihan dan belia manakah kita hendak memberikan kemudahan-kemudahan itu. Adakah golongan belia yang telah bergaji dan yang berpendapatan; juga golongan belia yang telah menjadi pemimpin dalam masyarakat, atau adakah belia yang telahpun menjadi Ahli Parlimen atau ahli-ahli di dalam pertubuhan yang besar-besar dan juga mungkin ada di antara pemimpin-pemimpin belia yang lebih daripada itu.

Kalau inilah belia yang dimaksudkan, maka tinggallah pertubuhan belia di dalam negara ini, hanya terdapat di peringkat pemimpin agungnya atau di peringkat pemimpin negerinya atau di peringkat jawatankuasa sahaja. Tetapi ahli-ahli yang lain hanya ada pada namanya tetapi tidak pada hakikat yang sebenar iaitulah ahli-ahli yang berkehendakkan bimbingan yang saya sebutkan tadi. Yang menyulitkan kita ialah masalah golongan belia ini akan dipengaruhi oleh golongan-golongan belia agung daripada peringkat kebangsaan ini untuk mencapai maksud dan cita-citanya di dalam masyarakat.

Sekarang ini kita telah dengar banyak pertubuhan-pertubuhan belia yang terdiri dari berbagai-bagai kaum dengan berbagai aktiviti yang berasingan, misalnya Belia 4B, MAYC, ABIM, Hindu Youth, Tamil Bell, Gerakan Belia Bersatu dan Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung dan lain-lain lagi. Semuanya ada pada namanya sahaja, dan mungkin ada ahli ialah ahli jawatankuasanya tetapi tanpa ahli-ahli lain, iaitu ahli biasa yang benar-benar menjadi ahli pertubuhan belia. Ini menjadikan pertubuhan belia tidak mendapat sambutan dan tidak mempunyai minat dan tidak tertarik oleh golongan belia ini bagi memasuki mana-mana pertubuhan iaitu sebagaimana ahli yang sebenar-benarnya sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan, juga oleh Kementerian bagi menjalankan aktiviti dan kegiatan secara sukarela dan melatih diri sebagai pemimpin. Dan menghadiri mesyuarat agung persatuan, yang menjadi tanggungjawab, yang mesti ditunaikan oleh tiap-tiap ahli itu.

Dari segi pengalaman saya sendiri, saya tidak pernah dapati bahawa di dalam mesyuarat agung mana-mana pertubuhan belia di dalam negeri ini yang dihadiri oleh ahli lebih daripada 30% sebagaimana yang terdapat di dalam daftar tiap-tiap ahli itu. Ini adalah satu bukti yang nyata bahawa belia tidak diminati untuk berpersatuan, hanya berminat untuk mendaftar menjadi ahli. Lainlah kalau sekiranya dijemput Menteri atau Timbalan Menteri ataupun Menteri Besar untuk membuka mesyuarat agung itu maka ahli jawatankuasanya akan terburu-buru mengerah siapa sahaja daripada golongan muda untuk menghadiri perhimpunan mesyuarat agung itu menyatakan bahawa persatuannya telah teguh dan berpura-pura menyatakan persatuannya telah pun ramai ahli dan begitu jugalah kepada Pegawai Belia Daerah akan takut dikatakan yang beliau tidak membuat pekerjaan. Jadi, kebanyakan pertubuhan belia sekarang ini bolehlah dikatakan sebagai 'Hidup segan mati tak mahu'. Apa yang saya katakan ini bukanlah satu tuduhan yang melulu tetapi adalah berasas kepada kenyataan yang terdapat di dalam pertubuhan belia kita pada hari ini.

Memang kita sedia maklum, tiap-tiap satu pertubuhan belia itu ada tujuan dan matlamatnya tetapi tujuan dan matlamat ahli-ahli belia itu adalah berlainan dan tidak sama, masing-masing mempunyai tujuan dan matlamat sendiri berdasarkan kehendak diri ataupun kehendak kaum mana belia itu datang. Lebih-lebih lagi motif ataupun faedah untuk menarik belia itu kepada persatuan belia yang lebih besar dan kukuh tidak ada. Tetapi tiap-tiap kaum dalam pertubuhan belia itu mempunyai motif dan hasrat hanya untuk kaum masing-masing sahaja. Misalnya, Majlis Belia Malaysia (MBM) ditubuhkan hanya merupakan satu badan menyelaras di peringkat kebangsaan yang hanya diselaras di peringkat bapa-bapa belia yang berada di peringkat nasional ini. Tetapi apa hal dengan ahli-ahli persatuan belia yang sebenar-benarnya belia yang mahukan bimbingan. Mereka tidak pernah berjumpa, mereka tidak pernah bermesra, dan mereka tidak pernah di bawa ke dalam satu badan yang mereka ini boleh berjumpa atau berkenal-kenalan sebagaimana persatuan-

persatuan belia yang hidup di dalam bersatu padu, di dalam pertubuhan yang teguh misalnya MAYC akan bergerak dengan MAYCnya dan 4B akan bergerak dengan 4Bnya, Tamil Bell akan bergerak dengan kaumnya dan juga Hindu Youth. Begitu juga golongan-golongan ABIM dengan Islamnya dan Gerakan Belia Bersatu dengan pemuda Cinanya. Begitu juga lain-lain pertubuhan yang ada di dalam negara ini yang mempunyai telatah, tujuan dan matlamat yang berlainan.

Dengan adanya rancangan untuk ekonomi belia mungkin akan timbul dua tiga golongan belia lagi, misalnya dari aktiviti ekonomi mereka telah timbul golongan Belia Peladang, Belia Niaga dan Belia Penjaja. Walaupun ini semua di dalam satu pertubuhan belia tetapi berdasarkan aktiviti ini didapati akan timbul beberapa golongan belia yang tidak mungkin akan dapat disatukan. Akhirnya kaum-kaum belia sendiri tidak tahu dan tidak faham belia mana yang mereka akan masuki dan belia mana yang mereka akan campuri dan akhirnya persatuan belia itu tinggal dengan beberapa bilangan persatuan belia.

Oleh kerana pertubuhan belia bukan merupakan satu pertubuhan politik yang boleh diselaras seperti Barisan Nasional, maka saya mencadangkan satu badan belia sahaja yang harus ditubuhkan di dalam negara ini. Misalnya kita namakan Persatuan Belia Negara dan mempunyai cawangannya, misal kata Persatuan Belia Negara Pasir Puteh. Ini adalah juga mempunyai satu tujuan dan satu matlamat dan juga dengan satu cita-cita bagi melahirkan ikatan perpaduan untuk melahirkan perpaduan belia sebagaimana yang disebutkan oleh wakil dari Sungei Petani. Dengan penyatuan ini akan melahirkan satu kaum ataupun satu golongan sahaja dalam masyarakat belia.

Semangat perpaduan di kalangan belia sangat penting dipupuk. Kita tidak perlu lagi mengasingkan masyarakat belia ini daripada peringkat belia lagi. Penyatuan dan perpaduan belia akan berada dari peringkat bawah iaitu dari peringkat ahli biasa hinggalah kepada pemimpin belia di peringkat daerah, pemimpin belia di peringkat negeri dan di peringkat kebangsaan. Selagi adanya

belia-belua seperti saya sebutkan tadi iaitu 4B, MAYC, ABIM, Tamil Bell, Hindu Youth dan Gerakan Belia Bersatu dan berbagai-bagai lagi gerakan belia maka masalah dalam belia akan tetap timbul dan perpaduan belia tidak akan tercapai dan belia akan tinggal pada namanya sahaja.

Dalam pasukan sukarela seperti St. John, Pengakap, Pandu Putri dan lain-lain yang beruniform biarlah mereka ini mempunyai badan yang berasingan dengan pertubuhan belia yang sebenarnya, iaitu daripada pertubuhan belia yang saya sebutkan tadi, kerana mereka telah mempunyai uniform serta mempunyai organisasi yang lebih baik serta mempunyai kegiatan yang berlainan serta dengan peraturan yang tersendiri.

Satu lagi iaitu pihak Kementerian telah menggalakkan golongan belia mengambil bahagian cergas dalam bahagian ekonomi, supaya belia menganggur mendapat pekerjaan bagaimana Rancangan Belia Peladang, Belia Peniaga dan Belia Penjaja. Tetapi Kementerian harus faham apakah pengetahuan yang ada bagi belia ini menyediakan kertas kerja (working paper) tentang projek-projek yang akan dijalankan supaya belia-belua ini mendapatkan bantuan.

Dengan working paper inilah satu penghalangan besar kepada belia-belua luar bandar yang berkehendakkan bantuan untuk cuba menjalankan projek-projek perniagaannya sendiri. Selain daripada itu bantuan itu dilayan dan dipertimbangkan kepada mereka yang mendapat kemahiran ataupun latihan daripada MARA atau latihan yang dijalankan oleh pertubuhan belia ini sendiri. Tetapi ada di antara golongan belia yang telah mahir dengan pengalamannya sendiri, misalnya mahir dalam bahagian mekanik atau mahir dalam bahagian perniagaannya atau mahir dalam bahagian spray motokar. Jadi mereka ini mahu mendapat bantuan daripada pihak Kementerian Belia atau pertubuhan belia tetapi oleh kerana mereka tidak mendapat latihan yang khusus, maka mereka tidak diberi layanan yang sepatutnya. Ini sepatutnya diambil perhatian oleh pihak Kementerian.

Bagi B. 29, Aktiviti (3) Pusat Latihan Belia sebagaimana Pusat Latihan Belia Negara Dusun Tua dan Pertak adalah tidak men-

cukupi bagi menampung belia-belua yang ada dalam negara kita ini sebagaimana disebut oleh wakil Sungai Petani tadi. Oleh itu saya mencadangkan Pusat Latihan Belia ini diperbanyakkan lagi setidaknya-tidaknya akan mendapat tiap-tiap negeri satu pusat latihan belia. Ini adalah perlu bagi menampung latihan belia dengan ramai belia yang ada kerana belia-belua yang dipilih untuk dua Pusat Latihan itu sahaja, adalah tidak mencukupi bagi menampung golongan belia yang hampir 40% lebih itu, oleh kerana masalah belia sekarang telah bertambah. Maka saya berharaplah di daerah-daerah itu diadakan sepertimana disebutkan oleh wakil dari Pagoh tadi seelok-eloknya satu pegawai belia sahaja diadakan bagi belia dan lain-lain itu diadakan satu pegawai lain kerana belia ini banyak tanggungan, seperti Belia Peladang, Belia Peniaga, menyebabkan persatuan belia yang ada itu tidak terjaga. Akhirnya, persatuan belia ini tinggal dengan nama persatuan belia sahaja.

Oleh itu, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya minta duduk dahulu. Sebab tadi sudah disetujui iaitu pada pukul 4.45 petang kita akan meminta Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjawab, jadi sekarang masa telah sampai. Mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat bercakap itu, nantilah peluang yang akan datang.

Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberi jawapannya.

4.46 ptg.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sempat memberikan pandangan, teguran dan juga perhatian yang berat di atas kegiatan Kebudayaan, Belia dan Sukan seperti yang telah Ahli Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini ada mempunyai tiga directorate yang berasingan bentuk dan

sifatnya tetapi merangkumi seluruh kegiatan belia dalam negara kita ini. Dalam bidang kebudayaan, Kementerian saya sedang berusaha untuk menggiatkan lagi supaya kebudayaan kebangsaan dapat diwujudkan demi perpaduan rakyat dalam negara kita ini.

Banyak teguran yang saya terima daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga dari yang luar pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan tetapi segala teguran ini nampak saya ditimbulkan kepada satu perkara sahaja yang pokok ditujukan. Seolah-olahnya kebudayaan ini merupakan tarian dan nyanyian sahaja dan itulah yang dianggap kebudayaan. Sebenarnya kebudayaan ini adalah terlalu luas scope dan bidangnya yang merangkumi seluruh kehidupan masyarakat negara kita ini dari segala bentuk dan sifatnya, itulah kebudayaan. Tarian dan nyanyian itu, menurut anggapan saya, hanyalah merupakan ranting-ranting ataupun dahan-dahan atau daun-daun atau bunga-bunga dari kebudayaan sahaja. Ia bukanlah menjadi pokok teras kebudayaan ini dan Kementerian saya telah ditugaskan dalam soal mewujudkan kebudayaan kebangsaan ini berpandukan kepada tiga prinsip yang telah saya terangkan dalam Dewan ini beberapa hari yang lalu. Saya tidaklah berhajat hendak mengulangnya lagi. Dan untuk melaksanakan semuanya ini dua badan telah dibentuk oleh Kerajaan, satu badan yang disebut Badan Penasihat Kebudayaan Kebudayaan yang dianggotai seluruhnya oleh pakar-pakar kebudayaan kita dari semua kaum.

Yang kedua, ialah sebuah badan yang disebutkan Badan Penyelaras Kebudayaan dalam melaksanakan kebudayaan kebangsaan ini. Jawatankuasa Penyelaras ini terdiri daripada Kementerian-kementerian, agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan dan juga wakil-wakil daripada Kerajaan-kerajaan Negeri. Usaha-usaha untuk mewujudkan ini sedang dilaksanakan menurut tertibnya dan menurut kepentingan dan keperluan-keperluan yang mendesak diutamakan lebih dahulu.

Walau bagaimanapun, saya memberi jaminan di sini bahawa seluruh aspek kebudayaan semua kaum dalam negara kita ini adalah dipertimbangkan dalam mewujudkan kebudayaan kebangsaan ini di mana yang

sesuai dan wajar seperti prinsip yang telah dijelaskan. Saya mengakui bahawa kekurangan pegawai.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** (*Bangun*).

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, harap tangguhkan sekejap, ada soalan.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa beliau berjanji akan memberi pandangan berat kepada kebudayaan. Saya cuma hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bahawa adakah beliau sedar di dalam sesuatu lawatan yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ke Sumatra Indonesia yang baru selesai pada 2 hari semalam bahawa pegawai yang mengetuai rombongan beliau itu telahpun menghadihkan sebagai cenderamata berbentuk pennant kepada wakil daripada Komiti Nasional Pemuda Indonesia yang bertulis di dalam Bahasa Inggeris.

Sungguhpun beliau-belia berkenaan telah membantah supaya pennant itu jangan diberi tetapi pegawai yang berkenaan masih kuat dan mahu terus menyampaikan hadiah di dalam bahasa Inggeris itu dalam bentuk pennant. Perkara itu telah bukan sahaja membangkitkan perasaan kurang puas hati di kalangan beliau-belia kita malah telah menimbulkan sindiran yang begitu kuat dari wakil Komiti Nasional Pemuda Indonesia sendiri mengapa kita telah memberi kepada beliau satu cenderamata di dalam bahasa Inggeris.

Saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri sedar di atas perkara ini yang telahpun berlaku di dalam masa tiga empat hari yang lalu.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Pengerusi, saya tidak patut jawab soalan itu. Di dalam Dewan ini ialah jawapan saya yang tidak patut diperdebatkan. Walau bagaimanapun, pandangan Ahli Yang Berhormat itu, saya ambil ingatan dan kalau berlaku, tindakan akan saya ambil. Tetapi di dalam jawapan saya ini, saya fikir tidak boleh disentuh semasa saya memberikan jawapan ini.

Tetapi walau bagaimanapun, saya katakan, saya ulangkan lagi, kalau benar perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya akan ambil tindakan.

Tuan Pengerusi, yang keduanya ialah soal belia. Soal belia ini ialah soal yang amat penting dalam tugas Kementerian saya ini, kerana belia-belia yang diambil perhatian oleh Kementerian saya ini bolehlah saya anggap belia-belia yang telah hilang pedoman di dalam hidup kebanyakannya, iaitu belia-belia yang dropped out di sekolah, belia-belia yang menganggur, belia-belia yang telah runtuh akhlak dan krisis moral yang berlaku, belia-belia yang menghisap dadah dan belia-belia yang tidak tentu hala. Jadi belia-belia yang sedemikianlah yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian saya ini, tetapi walaupun bukanlah keseluruhannya, banyak juga Kementerian dan badan-badan lain yang diberi tanggungjawab sama, tetapi Kementerian saya adalah khusus mengenainya maka masyarakat adalah menumpukan kepada Kementerian ini.

Dalam hubungan ini, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh supaya dibanyakkan lagi pusat-pusat latihan belia, memang Kementerian saya sedang ambil perhatian dan kemungkinan dua lagi pusat latihan yang demikian ini akan dibuka. Tetapi tempatnya belum dapat dinyatakan sekarang ini kerana perundingan sedang dibuat dengan pihak kerajaan-kerajaan negeri yang berkenaan. Dan keseluruhannya pusat-pusat Latihan Dusun Tua dan Pusat Latihan Belia Negara di Pertak telah menghasilkan belia-belia yang sangat baik. Selain daripada latihan disiplin juga kemahiran telah dapat membuktikan kejayaan yang sangat memuaskan. Dan kerana itu desakan daripada banyak badan-badan wanita di dalam negeri kita ini supaya Pusat Latihan Belia Dusun Tua juga diberi peluang wanita-wanita turut menerima latihan maka Kementerian telah menimbangkan soal ini telahpun bersetuju, mulai tahun hadapan seramai 40 orang beliawanis ataupun belia wanita akan diambil bersama-sama di dalam latihan disiplin selama 4 bulan dan kemudiannya mana yang berjaya akan diserapkan di dalam latihan kemahiran. Dan sebagai desakan juga daripada pihak wanita

supaya diberi kerja yang sama gaji yang sama dan taraf yang sama di antara wanita dan pemuda, maka wanita-wanita yang akan masuk dalam latihan ini tidak akan diberi keistimewaan. Sebagaimana belia-belia lelaki menerima latihan, maka belia wanita juga menerima latihan yang sama. Dan mereka harus bangun pukul 5.00 pagi untuk bersenam dan sebagainya.

Selain daripada itu dalam kegiatan belia, projek belia peladang, projek belia berniaga, penjaja dan latihan sambil bekerja, koperasi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh, memang telah berjalan dengan baik tetapi saya akui kejayaan-kejayaan di samping kejayaan yang telahpun berjalan itu memang ada sebanyak-sedikit kelemahan-kelemahan yang berlaku, jadi tidak dapat kita elakkan. Kerana selain daripada pegawai-pegawai kita yang ada di negeri-negeri hari ini, kebanyakan mereka itu mahir dalam sesuatu bidang dan boleh dikatakan sebahagian besar pegawai-pegawai negeri diambil daripada tokoh-tokoh dan kegiatan mereka dalam bidang belia, dan kerana itu mereka tidak begitu mahir dalam soal pertanian, soal perniagaan, kebudayaan dan juga sukan.

Tetapi Alhamdulillah, Kerajaan kita telahpun bersetuju, baru-baru ini seramai 49 orang pegawai lagi telahpun diambil dan seorang pegawai telahpun ditugaskan mengenai dengan belia peladang bagi sesuatu negeri.

Mengenai dengan Koperasi Belia Nasional (KOBENA) yang berjalan terus dalam usah-usahanya di bidang ini dan kerjasama dalam koperasi belia negeri-negeri dan juga koperasi belia setempat juga akan diminta tetapi tidak semestinya dan tidak menjadi tugas Koperasi Belia Nasional ini memberi pinjaman wang kepada mana-mana koperasi belia.

Pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai belia ini, saya akan ambil perhatian yang sungguh-sungguh bagi menjayakan apa juga bidang kemajuan belia dalam negara kita ini pada tahun 1979 akan datang.

Saya tidak dapat menjawab lebih panjang kerana masa terlalu sempit dan suntuk. Sekarang ini saya mengambil perhatian pula

kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai dengan sukan.

Sukan di tanahair kita ini boleh dianggap sebagai air pasang. Ada waktu dia pasang, ada waktu dia surut dan ada waktunya kita maju dan ada waktunya kita mundur. Ini tidak dapat dielakkan, sebagai sebuah negara yang sedang membangun sekarang ini, Kerajaan kita bukan sahaja hendak menumpukan kegiatan sukan ini untuk meninggikan imej negara kita di luar negeri ataupun di dalam negeri tetapi juga Kerajaan mesti memandang soal-soal, kemudahan-kemudahan yang dilaksanakan ataupun projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan di luar-luar bandar dan juga dalam bandar.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kalau kita berdepan dengan rakyat mereka bukan sahaja mempersoalkan soal sukan tetapi juga mempersoalkan sekolahnya, balairayanya, suraunya, masjidnya, jalanrayanya, bekalan airnya, bekalan apinya dan berbagai-bagai lagi soalan yang harus diambil tanggungjawab oleh Kerajaan. Dengan demikian Kerajaan tidak dapat menumpukan banyak tenaga dan peruntukan wang yang besar kepada sukan ini. Dan peruntukan wang yang besar juga tidak menjamin kemajuan ataupun kejayaan kita dalam lapangan sukan dalam arena pertandingan di peringkat antarabangsa di luar negeri. Sebagai contoh negeri-negeri Eropah yang maju, tidak semuanya negeri-negeri itu berjaya di dalam lapangan sukan begitu juga negeri-negeri di Asia ini.

Selain daripada itu, Kementerian juga sedang merancang pada tahun hadapan hendak menggiatkan lagi lapangan sukan ini bukan sahaja untuk kita bertanding mahu menang tetapi juga sukan ditujukan kepada kesihatan atau riadah dan sukan juga ditujukan kepada bersuka-suka, kerana belia-belie kita tahu mereka lebih suka kepada bersukan, mereka lebih suka kepada menyanyi, menari dan berpoya-poya ke sana-sini dan mereka juga suka kepada kegiatan-kegiatan belia. Kerana itu kita harus menarik mereka ini menurut kemahuan mereka mengikut kesukaan mereka, kemudian barulah kita salurkan dan kita arahkan

kepada perkara-perkara yang lebih memberikan faedah dan menfaat kepada mereka dan juga kepada masyarakat seluruhnya.

Tuan Pengerusi, saya fikir cukuplah penerangan saya dengan ringkas itu kerana jam tepat pukul 5.00 dan saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seramai 5 orang yang berkesempatan bercakap di dalam Kementerian ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$23,500,000 untuk Maksud B. 26 dan \$2,094,000 untuk Maksud B. 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$6,389,050 untuk Maksud P. 26 dan \$1,010,000 untuk Maksud P. 27 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1979.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya meminta Yang Berhormat Menteri Pertahanan untuk membentangkan Anggaran Perbelanjaannya.

*Maksud B. 28 (Jadual)*

*Maksud P. 28 (Anggaran Pembangunan, 1979)—*

*5.00 ptg.*

**Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Pengerusi, mohon izin untuk mencadangkan supaya:

- (i) Wang sebanyak \$1,188,888,600 di bawah Kepala B. 28 Kementerian Pertahanan dijadikan sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang ini; dan
- (ii) Wang sebanyak \$330,257,050 di bawah Kepala P. 28 Kementerian Pertahanan diluluskan sebagai Perbelanjaan di bawah Anggaran Pembangunan 1979.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Pertahanan ialah merupakan salah satu Perbelanjaan yang terbesar bagi negara ini. Perbelanjaan besar ini tidaklah dapat dielak, kerana tugas-tugas mempertahankan negara kita mestilah sentiasa disesuaikan dengan keadaan ancaman yang dihadapi oleh negara kita dari semasa ke semasa. Perlu bagi saya menerangkan dari awal-awal lagi bahawa tugas-tugas ini termasuk juga

peranan memberi perlindungan kepada pekerja melaksanakan pembangunan negara, di mana-mana ada ancaman, dan mengambil bahagian dalam melaksanakan projek pembangunan.

Dalam menyesuaikan tugas-tugas pertahanan, penilaian mestilah dibuat dari masa ke semasa atas asas-asas berikut:

- (1) Keadaan keselamatan dalam negeri seperti ancaman subversive dari gerakan komunis, dan ancaman lain yang mungkin menimbulkan kekacauan besar yang memerlukan penglibatan Angkatan Tentera; dan
- (2) keadaan di sekeliling negara kita yang boleh menimbulkan ancaman kepada keselamatan negara dari luar.

Kemudian, perkiraan mesti juga dibuat untuk menyeimbangkan kekuatan tentera kita dan kelengkapan bagi menghadapi keadaan-keadaan seperti dinilai di atas tadi. Dalam mengirakan penyesuaian tugas-tugas ini, kita mestilah juga mempertimbangkan kebolehan dan kemampuan negara memikul perbelanjaan yang dikehendaki itu. Di sini saya ingin memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya senantiasa mengambil perkiraan atas keupayaan ekonomi kita dalam merancang perbelanjaan yang perlu untuk menentukan paras kekuatan dan kelengkapan yang patut ditimbangkan bagi Angkatan Tentera kita.

Untuk membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat memahami dasar pertahanan kita, khasnya pihak Pembangkang yang selalu sekali meringan-ringankan ancaman kepada negara ini dan yang menganggap Perbelanjaan Pertahanan sebagai tidak perlu, maka ingin saya menyebutkan faktor-faktor yang mempengaruhi dasar pertahanan negara kita.

Sebagai sebuah negara yang pada suatu ketika pernah berada di bawah naungan British, Malaysia telahpun duduk di bawah perlindungan payung pertahanan British, dalam tempoh beberapa tahun selepas Kemerdekaan. Tetapi perlindungan ini tidaklah dapat kita harap untuk berkekalan selamanya, kerana negara British terpaksa

pada tahun 1968 mengubahkan Dasar Pertahanannya dan telah menahirkan untuk menarik balik Armed Forcesnya di sebelah Timur "Suez". Sebagai negara yang merdeka dan mempunyai kepentingannya sendiri, Malaysia mengikut hasrat dan aspirasi rakyatnya sendiri, pula mesti membina dasar "self-reliance", "non-alignment" dan "national resilience". Sungguhpun kita telah berjaya pada tahun 1960 mematahkan percubaan komunis untuk menawarkan negara kita, namun ancaman daripada komunis untuk menawarkan negara kita ini tidaklah boleh dianggapkan hapus belaka. Ini terbukti jelas dari percubaannya untuk balik bertapak dalam negara kita ini pada awal tahun tujuh puluhan.

Tambahan pula, ada pula anasir-anasir pelampau yang cuba hendak mencetuskan kekacauan di kalangan masyarakat kita, dan menyebabkan pihak berkuasa keselamatan sentiasa berjaga-jaga dan memperlekapkan diri.

Dari itu sungguhpun tenaga Kerajaan kita sentiasa ditumpukan kepada langkah pembangunan dan kepada usaha menyatupadukan rakyat kita yang berbilang kaum ini, kita tidaklah boleh cuai terhadap keselamatan dan pertahanan negara. Kita mestilah bersedia dengan pasukan keselamatan yang lengkap untuk menghadapi apa juga ancaman yang mungkin timbul. Demikian juga, sungguhpun bagaimana kuatnya hasrat kita untuk menjadikan rantau ini sebagai kawasan damai, bebas dan berkecuali kita tidaklah boleh mengabaikan pertahanan negara kita sekarang ini.

Selaras dengan kemampuan kita, kita mestilah berusaha menjamin keselamatan dan ketenteraman dalam negeri di samping mempertahankan diri dari ancaman yang mungkin berbangkit daripada luar. Kita memanglah berharap agar keadaan di Asia Tenggara ini akan bertambah aman supaya kita dan jiran kita dapat menumpukan tenaga kita kepada tugas-tugas membina negara yang maju dan makmur. Tetapi dalam dasar pertahanan kita, kita mestilah mempunyai "credible force to defend ourselves".

Tuan Pengerusi, sejak Rancangan Malaysia Kedua lagi, Angkatan Tentera telahpun

berkembang dengan pesatnya. Dari segi keanggotaan, Angkatan Tentera kita telah dapat menambahkan bilangan anggotanya sebanyak kurang lebih 40% daripada keseluruhannya anggota Angkatan Tentera. Nisbah di antara pegawai-pegawai dan anggota-anggota lain pangkat yang diambil berkhidmat di dalam tempoh itu telah juga naik kepada satu pegawai persebelas pangkat-pangkat lain. Kenaikan kadar nisbah itu ialah bagi memperkuat lagi yunit-yunit yang sedia ada, serta untuk menampung keperluan keanggotaan bagi yunit-yunit dan pasukan-pasukan yang ditubuhkan di dalam ketiga-tiga perkhidmatan tentera. Dari segi peralatan pula, Angkatan Tentera kita telah membeli senjata-senjata, kapal-kapal laut dan kapalterbang-kapalterbang moden sebagai ganti atau menambah kepada yang sedia ada, iaitu untuk menambahkan lagi kemampuan pertahanan negara baik di darat, laut ataupun udara. Kapalterbang dan helikopter yang dibeli ialah untuk memberi bantuan dari udara dan menentukan supaya pergerakan pengangkutan anggota-anggota dapat dijalankan dengan lebih cepat serta untuk menolong membekalkan "ration" kepada anggota-anggota di hutan. Kapal-kapal laut pula adalah untuk menambah kemampuan tentera laut memperhebatkan lagi rondaan-rondaan di kawasan perairan kita untuk mengawal dan mencegah pencabulan kawasan perairan antarabangsa kita oleh pihak anasir-anasir daripada luar.

Dari segi latihan, beberapa kursus-kursus telah dijalankan di dalam negeri dan ini mengurangkan bilangan anggota-anggota yang perlu dihantar berkursus di luar negeri. Dari segi bantuan lojistik, sistem dan organisasi lojistik telah diubahsuaikan untuk membolehkan Angkatan Tentera menghadapi keperluan lojistik dengan lebih kemas lagi bagi operasi-operasi menentang penganas kominis. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat lebih tahu, soal lojistik adalah soal yang paling besar, dan usaha sentiasa ditumpukan untuk meninggikan sistem dalam lojistik ini. Untuk menentukan mutu dan kesesuaian barang-barang dan alat-alat pengeluaran tempatan untuk kegunaan tentera, Pusat Penyelidikan Pertahanan telah ditubuhkan. Seterusnya untuk menentukan supaya kian banyak lagi barang-barang keperluan tentera

kita dapat diperolehi dari punca tempatan, maka Woksyop Pengeluaran Angkatan Tentera (Armed Forces Manufacturing Workshop), Malex (Malaysia Explosiv.) iaitu kilang mengeluarkan peluru dan berbagai projek lain telahpun dijalankan.

Di bawah Rancangan Pembinaan Angkatan Tentera pula, sebanyak 155 projek-projek telah diselesaikan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua, sementara 47 projek-projek sedang dijalankan di dalam peringkat pelaksanaan dan 27 projek-projek sedang dalam peringkat perancangan. Keutamaan adalah diberi kepada pembinaan rumah-rumah kelamin bagi Anggota-anggota tentera. Daripada 155 projek yang telah disiapkan, terdapat sebanyak 8,471 yunit rumah-rumah kelamin untuk anggota Angkatan Tentera kita.

Tuan Pengerusi, beberapa projek-projek pembangunan yang besar telah dijalankan bagi Angkatan Tentera kita, seperti pembinaan kem-kem tentera, projek Pengkalan Tentera Laut di Lumut dan Kuantan yang mana bukan sahaja bertujuan untuk memperkemaskan lagi jentera pelaksanaan Angkatan Tentera, tetapi juga adalah dengan secara tidak langsung berfaedah kepada negara keseluruhannya, kerana di samping projek itu dapat mengadakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat, projek tersebut juga dapat menjadi sebagai pusat (nucleus) perkembangan untuk aktiviti-aktiviti ekonomi lain yang berkaitan.

Di samping menentukan keselamatan negara, Angkatan Tentera kita adalah juga terlibat secara langsung di dalam usaha-usaha pembangunan negara. Pihak Angkatan Tentera, yang tidak juga ketinggalan mempunyai anggota tentera yang mempunyai kemahiran pertukangan, telah juga mengembelikan tenaga untuk memberi bantuan dalam projek jalan-jalanraya seperti di Lebuhraya Timor-Barat dan jalanraya di Kuching, Kota Kinabalu. Angkatan Tentera Malaysia juga menjalankan usaha-usaha sivik yang dikenal dengan 'Gerakan Jiwa Murni' seperti membina jambatan, mendirikan sekolah, dewan-dewan orang ramai dan lain-lain kerja pembinaan. Juga sebagai projek sivik, Angkatan Tentera Malaysia ada memberi rawatan perubatan di kawasan-

kawasan bandar, memberikan pertolongan dan bantuan semasa bencana alam seperti banjir, mengadakan penerbangan-penerbangan kecemasan, mengadakan rondaan-rondaan di laut untuk menjaga keselamatan nelayan-nelayan dan lain-lain lagi.

### *Anggaran Mengurus*

Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, perkembangan Angkatan Tentera adalah terus dijalankan. Sehingga tahun 1978 ini, iaitu kira-kira pertengahan tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga, sukalah dinyatakan bahawa perkembangan yang berlaku adalah mengikut jadual dan telah berjalan dengan lancar. Bagi tahun 1979, jumlah perbelanjaan yang diperlukan untuk Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan bagi Kementerian Pertahanan ialah berjumlah \$1,519,165,650. Jumlah Belanja Mengurus ialah \$1,188,888,600. Dan ini merupakan tambahan sebanyak \$17,459,600 atau 1.45% daripada peruntukan mengurus 1978, dan boleh dibahagikan kepada empat kumpulan besar iaitu:

#### (i) *Gaji dan elaun: \$700,000,000*

Peruntukan gaji dan elaun ialah sebanyak \$700,000,000 iaitu bertambah sedikit sahaja daripada peruntukan yang diberi dalam tahun 1978. Bilangan anggota-anggota tentera yang diambil berkhidmat dalam Angkatan Tentera telahpun bertambah dan kadar caruman Kerajaan kepada simpanan anggota tentera di bawah sekim Tabung Angkatan Tentera juga mesti bertambah.

#### (ii) *Perkhidmatan dan Bekalan: \$429,633,600*

Peruntukan di bawah kumpulan perkhidmatan dan bekalan adalah untuk perbelanjaan penyenggaraan dan kelengkapan Kementerian Pertahanan seperti pembayaran perkhidmatan api dan air, pembelian makanan dan minyak, pembelian alat-alat ganti dan penyenggaraan kapal-kapal dan kapal terbang dan lain-lain. Jumlah peruntukan di bawah kumpulan ini iaitu sebanyak \$429,633,000 adalah 3.63% lebih dari peruntukan tahun 1978. Kelebihan ini tidaklah dapat dielakkan kerana ke-

naikan harga pembekalan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh Angkatan Tentera kita.

#### (iii) *Pembelian harta modal: \$49,255,000*

Peruntukan di bawah kumpulan ketiga ini ialah sebanyak \$49,255,000 iaitu berkurangan sebanyak \$651,000 daripada peruntukan tahun 1978.

Peruntukan yang diminta ini ialah untuk pembelian alat-alat kelengkapan kecil seperti perabot-perabot dan alat kelengkapan pejabat, alat-alat kelengkapan memasak, buku-buku perpustakaan dan lain-lain kelengkapan yang tidak dibekalkan di bawah peruntukan pembangunan.

#### (iv) *Pemberian bayaran tetap: \$10,000,000*

Peruntukan di bawah kumpulan ini ialah berjumlah \$10,000,000 dan wang tersebut ialah untuk kegunaan oleh depoh simpanan pertahanan bagi pembelian alat-alat dan sector-sector.

Tuan Pengerusi, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan yang dicadangkan untuk tahun 1979 ialah berjumlah \$330,257,050. Peruntukan ini merupakan kekurangan sebanyak \$143.5 juta atau 30%, berbanding dengan peruntukan tahun 1978. Kekurangan ini adalah disebabkan banyak dari projek-projek baru sedang dikaji dalam "Mid-term Review" dan tidak dimasukkan ke dalam Anggaran Pembangunan 1979. Adalah menjadi hasrat Kerajaan juga untuk memberi kemudahan-kemudahan tempat tinggal kepada anggota-anggota Angkatan Tentera. Kemudahan-kemudahan ini mustahak dari segi keselamatan kerana anggota Angkatan Tentera Malaysia selalu berpindah-randah. Selain dari tempat tinggal ada juga bangunan teknikal, pejabat-pejabat dan lain-lain untuk menampung perkembangan Angkatan Tentera. Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi melaksanakan projek-projek perumahan ini. Projek-projek ini adalah merupakan projek yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan "carry-over" daripada projek Rancangan Malaysia Kedua, di mana sebanyak \$80 juta adalah diminta bagi tahun 1979.

Bagi Angkatan Udara kita, selain dari memperluangkannya dengan berbagai jenis kapal terbang, satu pengkalan baru sedang dirancang bagi menggantikan pengkalan TUDM di Kuala Lumpur ini yang telah begitu sesak dan tidak sesuai lagi. Kemudahan-kemudahan membaiki pesawat-pesawat TUDM dan lain-lain alat yang berkaitan juga sedang dilaksanakan dengan terdirinya projek kemudahan baik-pulih kapal terbang atau Airod yang diletak di Subang. Dari segi jangka panjang, projek ini amat menguntungkan TUDM, kerana bukan sahaja dapat menjimatkan perbelanjaan-perbelanjaan yang besar, tetapi juga dapat meninggikan kemahiran bagi Angkatan Tentera kita supaya mereka pandai membaik-pulih pesawat-pesawat udara di dalam negeri kita sendiri. Ini adalah menunjukkan satu lagi langkah kemajuan bagi TUDM. Bagi tahun 1979 ini peruntukan sebanyak \$4,718 juta telah diminta untuk projek pengkalan baru TUDM, sebanyak \$6.5 juta bagi kemudahan baik-pulih kapal terbang dan sebanyak \$4 juta bagi kelengkapan TUDM terutama sekali untuk keperluan radar.

Dari segi pertahanan laut, peranan TLDM tidak dapat dilupakan. Pembinaan pengkalan Lumut adalah merupakan satu projek yang besar bagi TLDM. Ini bukan sahaja dapat memberi kemudahan-kemudahan latihan tetapi juga menyediakan kemudahan-kemudahan pengkalan dan limbungan kapal. Ini dirasakan amat penting sekali bagi menggantikan pengkalan TLDM di Woodlands sekarang ini. Projek ini sedang dilaksanakan dengan baik, sambil projek pengkalan TLDM di Kuantan yang merupakan pengkalan hadapan bagi TLDM di Pantai Timur hampir-hampir siap. Apabila rancangan ini siap kelak, TLDM akan mempunyai pengkalan dan limbungan yang lengkap dan serba moden dan akan dapat memenuhi keperluan tentera laut kita sendiri. Kemudahan-kemudahan ini amat perlu sekali kerana peranan TLDM dalam mengawal perairan Malaysia dari pencerobohan anasir-anasir jahat; rompakan-rompakan laut dan lain-lain lagi dalam menjaga perairan kawasan ekonomik zon kita (economic zone) yang sekarang ini perlu dijaga dengan sepenuh-penuhnya. TLDM juga terlibat dalam projek-projek pembangunan seperti hydrographic survey dan membantu

Kerajaan dalam menjaga kecemaran alam. Bagi tahun 1979, peruntukan sebanyak \$80 juta telah diminta bagi pengkalan tentera laut di Lumut dan \$9 juta untuk Kuantan. Peruntukan sebanyak \$72 juta adalah diminta untuk pembayaran kapal yang sudah kita tempah dan \$2.633 juta untuk kelengkapan (equipment) kapal-kapal yang telah ditempah itu.

Sementara anggota-anggota yang sedang berkhidmat dilengkapkan dan diberi kemudahan-kemudahan tertentu, bekas-bekas perajurit juga tidak kita lupakan. Jasa-jasa mereka tetap dikenang dan sebelum mereka berhenti dari perkhidmatan, mereka diberi latihan-latihan peralihan bagi persediaan untuk mereka menghadapi penghidupan baru sebagai orang awam. Sebuah pusat latihan bagi bakal-bakal bekas perajurit sedang dibina di Sungai Buloh dengan perbelanjaan sebanyak \$5.1 juta. Pusat ini, apabila siap kelak, akan dapat menampung bekas-bekas perajurit menjalani berbagai latihan tertentu. Latihan ini amat perlu supaya mereka mendapat pengetahuan untuk memperluangkan mereka mendirikan penghidupan baharu. Peruntukan sebanyak \$2 juta adalah dikehendaki bagi melaksanakan projek ini pada tahun 1979.

Tuan Pengerusi, dari ucapan-ucapan yang saya kemukakan tadi nyatalah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat betapa pentingnya peranan Angkatan Tentera bagi pertahanan negara. Kerajaan, dengan sedaya upayanya, akan cuba memperluangkan Angkatan Tentera kita dengan peralatan-peralatan yang serba moden bagi menghadapi ancaman yang kita ramal mungkin timbul. Saya berpendapat peruntukan sebanyak \$1,888,600 bagi Perbelanjaan mengurus dan \$330,257,050 bagi perbelanjaan pembangunan yang diperlukan untuk tahun 1979 merupa jumlah minima yang dapat kita kemukakan. Ianya dikemukakan selepas kita memikirkan soal-soal dengan jimat-cermat dan selepas kita memikirkan keperluan-keperluan lain terutama sekali untuk pembangunan. Dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, maka saya anggap paras perbekalan tahun ini adalah sangat patut bagi Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Maksud B. 28 berjumlah \$1,188,888,600 dan Maksud Pembangunan 28 berharga \$330,257,050, kedua-duanya berjumlah \$1,519,145,650 iaitu perbelanjaan Kementerian Pertahanan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Saya jemput Yang Berhormat dari Setapak.

5.27 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan Kementerian Pertahanan yang sebegitu besar dalam belanja mengurusnya dan juga walaupun lebih kurang 30% daripada tahun 1978 belanja pembangunan.

Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, sukalah saya menarik dua tiga perkara. Saya sangat tertarik Maksud P. 28, muka surat 216, masalah Angkatan Tentera Malaysia, Rancangan Perumahan yang berjumlah secara langsung anggaran tahun 1979 lebih kurang \$80 juta.

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini, saya memang faham iaitu Kementerian Pertahanan memang ada mengadakan sekim-sekim untuk masa hadapan bekas-bekas tentera tetapi ingin saya menarik perhatian, masalah daripada segi perumahan juga yang dihadapi oleh pegawai-pegawai dan anggota tentera yang sedang berkhidmat. Kebanyakan mereka ini oleh sebab tugas mereka dan penempatan mereka sebegitu rupa, hubungan mereka untuk menentukan masa hadapan bagi mendapatkan rumah setelah mereka bersara amatlah tipis, kerana keadaan kehidupan mereka ini terasing.

Dalam perkara ini, sukalah saya mencadangkan kepada pihak Kementerian mengadakan satu sekim pinjaman untuk anggota tentera dan pegawai-pegawainya sewaktu mereka bertugas supaya mereka dapat memiliki rumah di beberapa kawasan perumahan dan juga sekim-sekim rumah yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri dan sekiranya mereka bertugas di tempat-tempat itu, dibenarkan mereka ini menduduki rumah mereka. Dengan secara yang demikian bukan sahaja kita akan dapat meringankan beban mereka, bahkan juga yang paling penting

kita dapat merapatkan pegawai-pegawai dan anggota-anggota tentera ini bercampur gaul dengan masyarakat biasa, tidaklah seperti yang kita lihat jelas sekarang ini iaitu pegawai-pegawai dan anggota-anggota tentera ini cuma boleh bercampur gaul dengan masyarakat civillian ataupun secara umum setelah mereka keluar daripada bertugas dengan Angkatan Tentera.

Yang kedua, saya juga mencadangkan oleh sebab kita tahu tugas mereka itu begitu rupa selalu meninggalkan rumahtangga dan mengikut apa laporan yang saya dapati yang saya hubungi di antara anak-anak mereka itu daripada segi persekolahannya terbiar. Jadi saya mencadangkan supaya Kementerian memikirkan untuk mengadakan asrama kepunyaan Kementerian di pekan-pekan dan di tempat-tempat yang besar supaya dapat menampung dan mengumpulkan anak-anak angkatan Tentera yang mana ibubapanya selalu bertukar ke sana ke mari dan asrama ini akan memberi peluang yang baik kepada anak-anak pegawai dan anggota Angkatan Tentera kita itu duduk di situ dan juga ditadbirkan oleh pihak Kementerian sendiri dan kanak-kanak itu boleh pergi belajar dan tidaklah perlu mengikut ibubapanya berpindah-randah apabila berlaku sedemikian.

Kita semua sedia maklum sekarang ini walaupun ada asrama yang dikelolakan oleh Kementerian Pelajaran dan badan-badan berkanun ataupun swasta, tetapi tidak ada kemudahan atau keutamaan diberikan kepada anak-anak anggota tentera, walaupun ada sebuah kolej di Sungai Besi saya rasa asrama di situ tidaklah mencukupi. Sepatutnya banyak lagi asrama untuk persekolahan anak-anak anggota tentera itu dibina oleh Kerajaan di pusat-pusat yang tertentu dan di pekan-pekan besar bagi menampung masa hadapan dan nasib untuk anak-anak mereka itu.

Yang ketiga, ini ada juga kaitan daripada segi perkhidmatan tentera Butiran 1100, Aktiviti (2). Kita juga dimaklumkan bahawa tentera kita ini berkhidmat bukan sahaja di dalam negeri bahkan ada juga pegawai-pegawai kanannya yang dipilih untuk berkhidmat di luar negeri bersama dengan kedutaan kita di luar negeri sebagai military attache. Dalam perkara ini, sukalah saya

menarik perhatian pihak Kerajaan sewaktu hendak memilih pegawai-pegawai yang berkenaan yang bakal mewakili negara kita, yang bakal menjaga imej negara kita supaya pegawai-pegawai yang hendak kita hantar itu hendaklah pegawai-pegawai yang bermutu dan yang mempunyai semangat kasihkan negara ini, kerana mereka ini jugalah sebagai duta kepada negara kita. Dan dalam pada itu, kita harap juga pegawai ini sebelum dihantar, hendaklah diberi latihan dan diintergrasikan dahulu dengan masyarakat umum ataupun keseluruhan pentadbiran negara kita, kemudian barulah setelah menjalani latihan ataupun kursus seperti ini, barulah dihantar mereka itu ke luar negeri sebagai military attache.

Kita semua faham apabila mereka itu ke luar negeri, tentulah ada perbezaan pembayaran daripada pihak Kerajaan terhadap perkhidmatan mereka di luar negeri tetapi kita dapati selalunya masih tidak mencukupi dan kalau mereka terpaksa membawa anak-anak mereka pergi bersama, tentulah juga akan menimbulkan perbelanjaan yang besar dan ini juga patut difikirkan oleh pihak Kerajaan, sama ada bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dalam bidang biasiswa supaya anak-anak pegawai kita yang bertugas di luar negeri mengikut ibubapanya kalau mereka itu bersekolah di sana juga diberi pertolongan untuk meringankan tanggungjawab ibubapanya yang berkhidmat bagi pihak negara kita.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Tumpat.

5.45 ptg.

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud Bekalan B. 28, Butiran 1100, Aktiviti (1)—Pentadbiran Pertahanan; Aktiviti (2)—Perkhidmatan Tentera dan Aktiviti (4)—Latihan, muka surat 213.

Tuan Pengerusi, dalam sesebuah negara yang sedang membangun, seperti negara kita Malaysia, perkhidmatan tentera kita yang cekap adalah mustahak. Mereka bukan sahaja menjaga keselamatan negara tetapi juga keselamatan penduduknya. Apabila negara aman, ketenteraan dapat dikawal,

keadaan politik juga akan stabil. Sekiranya ia berjalan dengan teratur seperti biasa, maka projek pembangunan dapat ditumpukan dengan sepenuhnya.

Kita berasa bangga dengan kecekapan Angkatan Tentera kita yang mempunyai sikap dedikasi dan berdisiplin tinggi. Dengan kecekapan yang tinggi ini, semangat dan mutu ketenteraannya akan lebih dipandang tinggi dan dihormati.

Kita juga berasa bangga bahawa Angkatan Tentera kita diperbesarkan dari satu masa ke satu masa. Ini adalah sesuai dengan perkembangan dan kemampuan negara. Jika kita tinjau dari segi perbelanjaan pertahanan negara, saya fikir perbelanjaan tidaklah begitu besar dibandingkan dengan kemampuan dan kemantapan ekonomi negara.

Pembesaran Angkatan Tentera bukan sahaja perlu dibesarkan malah perlu diperlengkapkan dengan alat-alat senjata moden.

Kapal-kapal terbang jet pejuang F 5E, pengangkut dan peninjau hendaklah diperbanyakkan, kerana menjaga ruang angkasa udara kita supaya tidak mudah dicerobohi oleh mana-mana pihak pun.

Begitu juga dengan kapal-kapal tentera laut, bot ronda laju, frigate hendaklah diperbanyakkan, kerana menjaga pantai-pantai laut kita daripada terdedah kepada musuh-musuh negara. Negara kita sekarang termasuk dalam lingkungan negara berpantai. Dari itu, perairan laut kita adalah bertambah luas dan jauh. Penjagaan rondaan di Selat Melaka adalah perlu, kerana Selat Melaka adalah terbahagi kepada dua negara, iaitu Malaysia dan Indonesia. Jika segala alat kelengkapan dan kemudahan disediakan, saya percaya perairan Selat Melaka akan sentiasa dapat dikawal.

Tuan Pengerusi, dalam pembesaran Angkatan Tentera kita, tentera darat adalah memainkan peranan yang penting. Kita mempunyai tiga Divisyen tentera darat.

Dalam konteks ini juga, saya ingin menarik perhatian tentang Regimen Gerak Khas, atau dikenal dengan nama "Komando". Regimen ini mempunyai dua batallion.

Dalam keupayaannya yang luar biasa, saya rasa adalah wajar Rejimen Gerak Khas ini ditambah lagi batallionnya, kerana memandangkan keadaan sekeliling negara kita yang memerlukan bantuan "Komando" untuk membantu apa juga yang diperlukan oleh Angkatan Tentera Darat dalam menghadapi ancaman musuh.

Kalau di Amerika ianya terkenal dengan Pasukan Merin, Indonesia terkenal dengan Seliwangi, maka di Malaysia terkenal dengan Komandonya. Adalah menjadi harapan saya supaya Rejimen Gerak Khas ini dapat diperbesarkan lagi sesuai dengan perkembangan dan pembesaran Angkatan Tentera kita.

Tuan Pengerusi, dalam konteks aktiviti ini juga, saya ingin menarik perhatian tentang pembayaran sugu hati kepada askar-askar kita yang gugur dalam pertempuran.

Bantuan sugu hati yang dibayar sekarang ini ialah sebanyak \$10,000 untuk sara hidup keluarganya. Dalam hal ini, saya rasa pembayaran \$10,000 itu adalah tidak wajar, memandangkan kepada kedudukan dan sara hidup sekarang ini adalah tidak mencukupi.

Kalau pertandingan pancaragam kugiran boleh mendapat hadiah sebanyak \$5,000 maka saya rasa pembayaran sebanyak \$10,000 sebagai sugu hati kepada perajurit yang terkorban atau gugur di medan pertempuran adalah tidak setimpal dengan tanggungjawab terhadap negara. Nyawa yang terkorban tidak boleh diukur dengan sugu hati yang diberikan sebanyak \$10,000 itu. Dari itu, saya ingin mengesyorkan supaya pembayaran sugu hati kepada askar-askar yang terkorban itu hendaklah dilipatgandakan.

Di samping itu juga, persekolahan kepada anak-anaknya hendaklah mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Sekianlah sahaja, dan saya menyokong sepenuhnya peruntukan Kementerian Pertahanan ini.

5.41 ptg.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed (Semerah):** Tuan Pengerusi, kalau kita perhatikan jumlah anggaran yang diperuntukkan kepada Kementerian Pertahanan untuk

menjaga keselamatan Malaysia sebanyak \$1,519,145,690 memanglah sangat tidak mencukupi yang sepatutnya digandakan lagi. Tetapi oleh kerana rakyat Malaysia masih berpegang teguh dengan ajaran Ugama Islam maka pertolongan Tuhan sentiasa ada bersama-sama kita, sebagaimana thema bulan Dakwah tahun ini:

"Jika kamu menolong Allah nescaya Allah menolong kamu dan ditetapkan pendirian kamu."

Majlis-majlis Cocktail dan Yamseng sudah digantikan dengan tahlil, doa selamat dan sembahyang ghaib kepada bunga-bunga bangsa yang gugur di medan perjuangan.

**Tuan Pengerusi:** Ini Maksud B berapa?

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed:** Ini mukadimmah.

**Tuan Pengerusi:** Mukadimmah tidak boleh, masa sudah singkat.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed:** Tuan Pengerusi, menyentuh Butiran 1300— Tambahan Kos Kakitangan, Aktiviti (4) Latihan. Saya berharap bahawa Kementerian Pertahanan akan menghantar pelatih biarlah ramai sedikit bilangannya. Biasanya kadangkadangkad kalau dihantar seramai 4 orang, 2 Bumiputra, 1 Ah Chong dan 1 Ramasamy. Jadi kalau dibandingkan adalah seimbang di antara bumiputra dengan bukan bumiputra. Ketua Turus Agung dan jawatan-jawatan yang tertinggi dalam mana-mana pasukan tentera baik di darat, laut dan udara mestilah disandang oleh bumiputra. Kita sayugia menaruh sangsi kepada orang lain. Contohnya, dalam Angkatan Tentera Laut, dalam pembelian kapal-kapal yang kebanyakan kapal-kapal yang dibeli itu adalah kapal buruk, seperti kapal Hang Tuah yang dapat dipakai hanya dalam beberapa hari sahaja sudah dikira kondem.

**Tuan Pengerusi:** Ini terkeluar daripada tajuk butiran 1300.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed:** Begitu juga tentang terjatuh dan terhempasnya tidak kurang 12 buah helikopter. Ini menunjukkan betapa kurangnya latihan yang dijalankan oleh pilot-pilot yang menye-

babkan tidak ada kecekapan dan kurang keyakinan.

Tuan Pengerusi, kita juga harus menaruh curiga dan sangsi terhadap negara-negara jiran dan rakan-rakan kita dalam ASEAN tentang pendirian mereka, persediaan-persediaan yang mereka buat dalam bidang pertahanan. Umpamanya Singapura, mereka hari-hari menjalani latihan mengebom dan latihan-latihan ketenteraan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan membuat satu-satu kenyataan yang tidak baik terhadap negara yang ada hubungan baik dengan negara kita. Ini mengikut Standing Order.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed:** Tak apa, saya beralih kepada yang lain.

**Tuan Pengerusi:** Tak usah bahaskan perkara ini, Standing Order tidak membenarkan.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed:** Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencahkan kepada Kementerian Pertahanan supaya mengadakan pula Anti-tank Regiment yang lebih lengkap iaitu Tentera Meriam (Artillery) yang lengkap dengan radar. Apakala musuh datang sejauh 10 batu lagi kita sudah boleh ketahui kedatangan mereka. Saya juga menyokong pendapat Ahli Yang Berhormat dari Tumpat supaya kapal terbang pengintip (reconnaissance) memerhatikan di mana musuh berada dan juga penggunaan jeep turun naik bukit dan keluar masuk hutan juga sayogialah diperbanyakkan.

Tengoklah bukan sahaja musuh bahkan pendatang-pendatang haram pun kalau sudah masuk ke negara ini terlalu sukar hendak mengeluarkannya. Kedatangan mereka ini adalah lengkap dengan senjata motar atau meriam katak, bom tangan, dynamite, walkie-talkie dan lain-lain. Dari itu navy kita yang ramai duduk di Woodlands dan Lumut haruslah dikerah bagi menjaga dan mengawasi pantai-pantai yang terdedah seperti Kuantan, Mersing, Pontian, Trengganu dan lain-lain pantai. Harap kita tidak lupa bahawa ketika Jepun menyerang Tanah Melayu mereka telah datang menyusur

pantai-pantai daripada Kelantan menuju ke Selatan.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh butiran 1300 Aktiviti (1)—Pentadbiran Pertahanan. Memandangkan kedutaan-kedutaan asing yang ada di negara kita Malaysia ini ada menempatkan attache-attache tenteranya yang mengambil tahu dan mengetahui segenap perkembangan dalam bidang-bidang ketenteraan kita, umpamanya, berapa pertambahan askar yang diambil setiap tahun, jenis-jenis peluru hatta jenis-jenis screw yang kita gunakan pun ada diketahuinya. Maka inilah saya menyarankan kepada Kementerian Pertahanan supaya menempatkan Attache-attache Tentera kita di semua negara di dunia ini khususnya negara-negara yang berdekatan. Walaupun pada hari ini ada terdapat Attache Tentera di tiap-tiap kedutaan kita tetapi mereka ini didapati passive dan negative.

Keduanya, saya ingin menyarankan supaya latihan bersama antara Malaysia dan Indonesia dalam bidang Commando dan Guerilla diadakan untuk kepentingan bersama.

Ketiganya, saya pernah dengar bahawa di negara ini mempunyai kilang peluru yang bertenaga untuk kepentingan pemburu sahaja. Maka saya berharap juga supaya kilang-kilang senjata ringan dipesatkan lagi usahanya di negara ini seperti membuat mesin-gun, senapang patah dan lainnya kerana kita telah terpedaya dengan kilang peluru yang dahulu itu yang hanya layak digunakan untuk maksud bersuka-suka sahaja.

Walaupun rakyat di negara ini adalah baik, tetapi Islam tetap berpesan supaya kita berwaspada dan buka mata dengan arahannya yang bermaksud:

“Dan bersedialah menghadapi musuh-musuh setakat yang kamu terdaya dan terupaya daripada segala rupa kekuatan senjata dan kuda supaya kelengkapan-kelengkapan ini akan dapat menggerunkan musuh-musuh kamu dan musuh-musuh Allah”.

Akhirnya dengan sukacita saya menyokong bekalan Belanjawan bagi Kementerian Pertahanan.

5.47 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu perkara dalam perbahasan ini iaitu mengenai Aktiviti (5)—Penyelidikan dan Kemajuan.

Tuan Pengerusi, adalah tidak dapat dinafikan bahawa askar-askar dan tentera kita telah memainkan peranan yang mustahak dalam masa lepas mengenai perkara pertahanan di negara kita. Tetapi pada pandangan saya salah satu sistem pertahanan yang paling efektif di setiap negara ialah satu sistem pertahanan yang melibatkan setiap penduduk atau setiap warganegara.

Saya ingat beberapa tahun yang lalu bekas Perdana Menteri kita Allahyarham Tun Abdul Razak pun ada membuat lawatan ke negara Swiss di mana Allahyarham pun ada menyentuh tentang kesan dan efektifnya mengenai sistem pertahanan yang diamalkan oleh warganegara-warganegara Swiss iaitu satu sistem yang melibatkan setiap penduduk dan setiap warganegara Swiss dalam perkara mempertahankan negara mereka. Pada masa itu saya ingat bahawa Allahyarham pun ada menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia akan mengkaji sistem itu dan menimbangkan sama ada prektik atau tidak prektik untuk perlaksanaan di negara kita ini. Beberapa tahun telah berlalu tetapi sehingga hari ini nampaknya idea itu tidak disentuh oleh sesiapa pun. Saya harap atas hal ini bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan dapat memberi pandangannya terhadap hal ini dan di samping itu saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memberi penjelasan tentang pendirian Kerajaan mengenai hal ini.

Akhirnya, pada pandangan saya masanya telah tiba bagi Kerajaan untuk mengkaji sama ada Kerajaan bersedia mengadakan apa yang dikatakan Perkhidmatan Nasional atau dalam bahasa Inggeris National Service dengan tujuan melatih semua warganegara seperti yang telah dibuat di negara Swiss supaya mereka dapat memberi sumbangan dan dapat membantu dalam pertahanan negara kita.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

5.51 ptg.

**Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi (Sabak Bernam):** Tuan Pengerusi, saya menyokong Belanjawan Kementerian Pertahanan dan saya ucapkan tahniah oleh kerana dapat mengemukakan satu belanjawan \$1,519,145,650 dan sebenarnya ini adalah satu anggaran yang sederhana. Jika boleh dan jika ada kemampuan sepatutnya Kerajaan patut menambah perbelanjaan untuk pertahanan ini lebih tinggi lagi.

Tuan Pengerusi, kita sedia maklum bahawa negara kita ini ialah sebuah negara yang sangat penting kedudukannya iaitu di tengah-tengah perhubungan antara timur dan barat dan dengan kedudukannya yang terbuka itu terpaksa kita sentiasa dalam keadaan waspada. Dan dalam pada itu negara kita adalah sedang menuju kepada negara berkecuali dan sebagai satu negara berkecuali terpaksa kita menjaga maruah sebagai negara berkecuali. Berkecualinya negara kita ini tidaklah semudah sebagaimana berkecuali negeri Switzerland di Eropah oleh kerana kedudukan negara kita yang penting itu.

Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil bahagian bercakap mengenai Latihan, iaitu muka surat 213, Butiran 1300. Jika Kerajaan hendak menghantar pegawai-pegawai kita keluar negeri eloklah kita hantar ke negeri-negeri dalam dunia ini yang mempunyai riwayat-riwayat ketenteraan yang gemilang, janganlah kita tumpukan pada satu dua negeri sahaja. Kita tentulah patut menghantar ke Jerman Barat umpamanya, Perancis, Britain, Amerika, Yugoslavia, Jepun dan lain-lain yang masing-masing negara itu mempunyai kelebihan dari segi taktik perjuangan.

Dari segi latihan ini juga, saya harap tentera kita ini dipenuhi dengan semangat keagamaan. Kalau orang Islam kita buat latihan dengan penuh semangat keislaman dan juga mengamalkannya seperti, umpamanya kalau kita tafakkur pesan kepada anggota tentera kita itu supaya baca Fatihah, kita tidak tafakkur kosong. Dan begitu juga dalam perjuangan menentang musuh patut diajar supaya berserah kepada Tuhan dan mungkin patut membaca apa-apa yang diajar oleh ugama kita dan begitu juga tentera kita yang beragama lain hendaklah

dimasukkan semangat dan moral mengikut ugama mereka. Selain daripada itu juga perasaan cinta tanahair dan Rukunegara terpaksa dititikberatkan supaya tentera kita selain daripada mempunyai kekuatan fisik juga kekuatan mental, mudah-mudahan kita akan sentiasa diredhai oleh Tuhan untuk menjaga keamanan dan ketenteraman negara kita.

Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh bersama-sama rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan supaya tentera kita ini dibekalkan dengan alat-alat senjata yang paling moden, walaupun bilangannya kecil tetapi mestilah mempunyai alat senjata yang paling moden, mungkin termasuk peluru-peluru berpandu jarak dekat, dari bumi ke bumi, dari bumi ke udara dan ini tidak luar biasa kerana kebanyakan negara-negara di Tenggara Asia ada memiliki senjata ini. Oleh kerana itu supaya kita tidak ketinggalan dan supaya sanggup kita memikul tanggungjawab dalam negeri dan sebagai negara berkecuali maka hendaklah pihak Kementerian Pertahanan dapat mengkaji Butiran 8 di muka surat 217 mengenai Pembelian Kelengkapan Tentera kita.

**Tuan Pengerusi:** Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab selewat-lewatnya pada pukul 6.15 petang.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

5.57 ptg.

**Dr Tan Tiong Hong (Kepong):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong anggaran peruntukan untuk Kementerian Pertahanan dan juga menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (2), muka surat 213.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada anggota-anggota tentera Malaysia yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi dan sacrifice yang besar untuk keselamatan negara dan keamanan negara kita ini. Perkhidmatan tentera Malaysia telah menunjukkan yang mereka adalah satu perkhidmatan professional dan taat setia dan juga selalu bekerjasama dengan rakyat dan haruslah mereka menjaga imej ini sebagai defender of the nation and people. Oleh kerana itu, saya haraplah kita mesti selalu menjaga imej dan apabila kadangkala

ada black-sheep di dalam perkhidmatan tentera ini kita haruslah mengambil disiplin. Ini bukan sahaja di perkhidmatan tentera tetapi juga di dalam masyarakat biasa juga kita ada black-sheep. Ada juga anasir-anasir anti-nasional yang hendak merosakkan imej perkhidmatan tentera kita ini dan saya tidak berpuashati oleh kerana Kementerian Pertahanan kita tidak ada satu counter-propaganda yang lebih lengkap dan lebih efektif, dan saya harap Kementerian Pertahanan bolehlah mengkaji semula pihak counter-propaganda ini dan tidak memberi peluang kepada golongan anti-nasional ini merosakkan imej anggota tentera kita ini.

Saya juga berharap supaya Kementerian Pertahanan boleh mengadakan lebih lagi projek-projek yang mana anggota-anggota tentera boleh bersama-sama dengan rakyat jelata mengambil bahagian contohnya gotong-royong dan lain-lain projek. Dan ini bolehlah memberi satu imej iaitu tentera bukanlah anti rakyat atau bukanlah asing dari rakyat tetapi tentera ialah kawan rakyat.

Tuan Pengerusi, muka 217, Butiran 5—Kemudahan Baikpulih Kapal terbang Subang. Kita harus memodenkan lagi kemudahan-kemudahan Baikpulih Kapal terbang dan juga kapal TUDM dan lain-lain jentera di dalam Kementerian Pertahanan kita ini. Dan saya harap Kementerian ini boleh mengambil perhatian yang berat untuk mengadakan satu rancangan di mana di satu masa hadapan nanti kita boleh mengadakan satu kemudahan Baikpulih Kapal terbang dan kelengkapan dan kapal-kapal lain yang lebih efficient dan technologically independent.

Tuan Pengerusi, muka 217 juga, Butiran 6—Pusat Latihan dan Perumahan bagi Bekas Tentera. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertahanan untuk mengadakan satu pusat semacam ini untuk melengkapkan bekas-bekas perajurit mendirikan penghidupan baru. Saya mengesyorkan Kementerian ini memberi peluang lebih kepada bekas-bekas perajurit dari private hingga NCO's. Sekarang kita ada sebilangan bekas perajurit yang telah mengambil bahagian di dalam rancangan FELDA dan ada menghadapi masalah kewangan. Bila mereka ada di dalam perkhidmatan tentera mereka

mendapat gaji lebih kurang \$700 atau \$600 sebulan dan ini mencukupi untuk memberi anak-anak pergi ke sekolah dan cukup memberi makanan dan lain-lain tetapi apabila mereka keluar atau bersara dari perkhidmatan tentera, gaji mereka telah turun di level \$200 atau \$300 sebulan dan ini tidak mencukupi dan mereka sudah menjadi satu golongan yang di bawah poverty line dan saya harap Kementerian boleh mengadakan satu Jabatan atau satu section yang khas untuk mengkaji semula masalah-masalah bekas perajurit untuk menolong mereka menghadapi masalah kewangan dan masalah adaptation di kalangan orang awam atau masyarakat awam. Dan Jabatan ini juga mestilah diberi kuasa untuk berhubung dengan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain dan apabila masalah-masalah bekas perajurit telah dikemukakan kepada pegawai ini, pegawai ini haruslah mengambil tindakan dan mencari jalan menyelesaikan masalah-masalah bekas perajurit ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Beri peluang kepada orang lain berucap. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

6.04 ptg.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong cadangan dan rancangan daripada Kementerian ini yang berkehendakkan peruntukan sebagaimana yang telah dikemukakan itu.

Tuan Pengerusi, saya hanya bercakap dalam satu bahagian sahaja iaitu P. 28, muka surat 217, Butiran 6 yang bertajuk Pusat Latihan dan Perumahan bagi bakal bekas tentera di Sungai Buloh.

Saya mengucapkan syabas kepada Kementerian ini kerana telah begitu sungguh-sungguh bagi membela bakal bekas tentera dari satu masa ke satu masa. Adalah sebaiknya bekas-bekas tentera ini sebelum mereka cukup tempoh perkhidmatannya, kemudahan-kemudahan yang patut didapati oleh mereka hendaklah diberi keutamaan dan keistimewaan iaitu dengan memberikan tawaran untuk pilihan mereka. Misalnya mereka ditawarkan terus ke rancangan FELDA ataupun ditawarkan ke jurusan-

jurusan perniagaan seperti mendapatkan lesen kereta sewa atau teksi dan lain-lain rupa perniagaan. Tidaklah sepertimana hari ini atau di masa-masa yang lepas setelah mereka meninggalkan perkhidmatan tentera, mereka terpaksa memohon berebut-rebut bersama-sama dengan lain-lain pemohon di dalam berbagai-bagai jurusan. Kadangkala mereka ini tertinggal dengan beberapa sebab dan gagal mendapatkan apa yang mereka pohon.

Yang kedua, oleh kerana bekas tentera ini mempunyai pengalaman dalam hal menentang musuh negara, maka adalah amat baik jika diadakan satu rancangan khas untuk mereka ditempatkan di kawasan perbatasan misalnya di sempadan utara negara kita supaya dibuka satu perkampungan khas untuk bekas tentera menjalankan usaha menjadi peneroka di kawasan itu dengan diberi kemudahan-kemudahan yang secukupnya. Mudah-mudahan dengan cara ini, jika musuh-musuh yang hendak melintas di kawasan tersebut dengan mudah dapat diatasi oleh bekas tentera yang telah punya cukup pengalaman itu.

Oleh kerana ada beberapa lagi rakan-rakan Yang Berhormat ingin mengambil bahagian, sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Kementerian ini.

6.07 ptg.

**Tuan Lee Kaw (Keluang):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut B. 28, Butiran 1100, 1200, 1300 dan P. 28 Butiran 16 dan 8.

Tuan Pengerusi, Askar Wataniah Malaysia walau macam mana mengambil tugas-tugas bersama-sama askar-askar tetap atau regular troops tetapi Askar Wataniah tidak mendapat facilities bersama askar-askar regular. Di Johor Askar Wataniah mengambil tanggungjawab menjaga installation semacam microwaves. Askar-askar ini tinggal di dalam kemah sudah dua tahun atau tiga tahun dengan tidak ada perumahan tetap (accommodation) dan senjata-senjata Askar-askar Wataniah ini ialah senjata-senjata lama. Kita belanja berjuta-juta ringgit untuk membeli senjata dan senjata baru seperti M16 mestilah diberikan kepada askar-askar wataniah.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, kemah (camp) ini tidak ada communication selain daripada telefon sahaja. Jikalau wire telefon ini sudah dipotong oleh anasir-anasir, askar-askar ini sudah in danger. Sepatutnya Kementerian Pertahanan ini mesti beri wireless kepada mereka ini. Installation macam microwaves di Keluang, di Gunung Pulai.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya suka sebut latihan untuk bekas askar-askar. Nampaknya perbelanjaan baru \$2 juta berbanding \$330 juta di dalam pembangunan untuk latihan askar-askar yang akan tamat perkhidmatannya (ex-service). Ini tidak mencukupi, pada masa ini askar-askar kita tidak banyak ditambah dan pada masa akan datang tentu lebih ramai yang akan pencen. Masa ini baru ada satu pusat. Saya cadangkan Menteri Pertahanan mesti tambah lagi pusat-pusat latihan untuk sediakan askar-askar ini pada masa yang akan datang masuk ke civilian life.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, untuk latihan. Nampaknya latihan di dalam askar hanya untuk fizikal sahaja tetapi pada pandangan saya kita mesti beri askar-askar ini latihan moral dan spiritual. Ini adalah mustahak, oleh kerana pada masa ini ada sedikit askar selepas menjalani gerakan (operation) di dalam hutan, apabila balik dia hisap dadah. Ini ada beberapa keş di Kluang di mana askar-askar ditahan di dalam balai. Selain daripada itu ada yang mabuk juga. Ini kita sedar sebab dia berada di hutan begitu lama. Tetapi jikalau ada latihan yang lebih selain daripada latihan fizikal iaitu latihan spiritual dan moral, saya fikir askar-askar kita tidak bagi satu imej yang tidak baik.

Tuan Pengerusi. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Kerana spiritual itu, boleh panjang lagi.

**Tuan Lee Kaw:** Spiritual?

**Tuan Pengerusi:** Ya (*Ketawa*).

**Tuan Lee Kaw:** Spiritual susah mahu panjang (*Ketawa*).

**Tuan Pengerusi:** Teruskan!

**Tuan Lee Kaw:** Tidak mengapa, saya tamatkan ucapan saya di sini. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

6.12 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Datuk Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan pihak Kementerian untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, 8 orang jumlah kesemuanya yang telah mengambil bahagian dengan begitu penuh minat dalam membahaskan peruntukan Belanjawan bagi Kementerian Pertahanan yang telah dijalankan sebentar tadi.

Saya tidaklah berhajat untuk menjawab kesemua perkara-perkara yang telah ditimbulkan kerana kalau saya berhajat pun, masa tidak mengizinkan. Walau bagaimanapun perkara-perkara yang tidak dapat saya jelaskan di sini, perkara ini akan diteliti dan jika pandangan-pandangan ini difikirkan menasabah dan boleh dijalankan, Kementerian saya akan menjalankannya. Demikian juga kepada Ahli Yang Berhormat yang saya nampak banyak juga bangun tetapi tidak berpeluang mengambil bahagian. Saya ingin mengulangkan lagi apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam masa membentangkan ataupun menggulung perbelanjaan pada masa yang lalu bahawa Kementerian Pertahanan setiap masa menerima pandangan-pandangan yang membina khususnya dari Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, saya ingin menerangkan mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak iaitu beliau mencadangkan supaya satu sekim pinjaman perumahan untuk angkatan tentera dan pegawai tentera semasa bertugas untuk mendapatkan rumah-rumah Kerajaan Negeri dan sebagainya.

Perlu saya terangkan, mengikut Laporan Jawatankuasa Kabinet yang telah dilaksanakan pada tahun lalu telahpun mengesyorkan supaya sekim pinjaman perumahan yang berkuatkuasa bagi kakitangan awam

dipanjangkan juga kepada anggota-anggota tentera.

Sukacita saya menyatakan sekim pinjaman perumahan itu akan dikuatkuasakan mulai 1hb Disember, 1978 yang akan datang ini. Dan permohonan-permohonan mereka untuk mendapatkan pinjaman akan ditimbang dan seterusnya akan diluluskan.

Selain daripada itu, sukacita juga saya menyatakan pada masa ini anggota-anggota tentera boleh mendapatkan pinjaman wang untuk memiliki rumah mereka di bawah sekim:

- (1) Government Housing Scheme;
- (2) Koperasi Tentera;
- (3) Tabung Angkatan Tentera.

Selain daripada itu beberapa orang anggota tentera telahpun berjaya menempah rumah-rumah yang dibina oleh syarikat-syarikat perumahan swasta, perumahan Kerajaan dan mereka ini sekarang diberi pinjaman bagi membayar rumah-rumah tersebut.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Setapak juga supaya Kementerian mengadakan asrama-asrama khusus untuk anak-anak anggota angkatan tentera, oleh kerana pelajaran mereka terganggu sebab bapa mereka sering bertukar-tukar dari satu tempat ke satu tempat.

Tuan Pengerusi, masalah ini sebenarnya adalah di dalam pengetahuan pihak Kementerian Pertahanan. Pada masa sekarang sudah ada sebuah asrama di Kem Terendak di Melaka khas bagi anak-anak anggota tentera. Selain daripada itu Kementerian Pertahanan dengan bantuan Kementerian Pelajaran akan membina asrama-asrama yang tersebut di Ipoh bagi negeri Perak, di Johor, Kedah serta Pahang dan pembinaan asrama di Ipoh ini adalah dalam peringkat awal pembinaannya.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan asrama juga iaitu asrama dan sekolah (boarding school) telah dibina dan akan dibina, seperti yang saya katakan tadi di Terendak Kem di Melaka dan asrama-asrama yang lain sedang dalam kajian.

Mengenai dengan perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat iaitu mengenai sagu hati sebanyak \$10,000 yang dibayar kepada balu-balu ataupun keluarga, ibubapa anggota tentera yang terkorban waktu menjalankan tugas; sebenarnya selain daripada bayaran saguhati itu mereka adalah juga diberi faedah-faedah yang berikut mengikut peraturan-peraturan yang berjalan dalam angkatan tentera kita:

- (1) Mereka diberi pencen bulanan seumur hidup atau sehingga berkahwin semula dan jika berkahwin, pencen balu itu akan dipindahkan pula kepada anak-anak mereka.
- (2) Ganjaran perkhidmatan di antara \$2,400 hingga \$5,066 bagi anggota lain-lain pangkat dan di antara \$6,244 hingga \$28,009 bagi pegawai-pegawai mengikut pangkat dan keadaan dalam masa kematian mereka.
- (3) Pelajaran bagi anak-anak.

Mengenai apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Semerah, saya menyangkal pendapatnya yang mengatakan bahawa kurang kecekapan kepada pemandu-pemandu kita menyebabkan banyaknya berlakunya kemalangan kapalterbang tentera udara kita. Sebenarnya kalau kita tinjau dan kita bandingkan dengan Angkatan Tentera Udara negara-negara yang lain, kemalangan yang berlaku dalam Angkatan Tentera kita ialah yang paling kecil. Perlu saya terangkan di sini di antara bulan Julai 1976 hingga Julai 1977 kemalangan yang berlaku hanya 1.75% sahaja iaitu dari tiap-tiap 10,000 jam penerbangan. Dan di antara bulan Julai 1977 hingga Julai, 1978 .95% daripada tiap-tiap 10,000 jam penerbangan. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri, Angkatan Tentera kita sama ada Tentera Darat, Laut dan Udara sentiasa dikaji untuk meninggikan mutu Angkatan Tentera kita daripada semasa ke semasa.

Begitu juga berkenaan dengan latihan-latihan Angkatan Tentera kita dalam ketiga-tiga bahagian, sentiasalah kita pertingkatkan lagi latihan-latihan yang diadakan di dalam negeri dan kita juga menghantar pegawai-pegawai kita dari segi latihan lanjutan dan

sebagainya bukan sahaja tertumpu kepada satu dua buah negara sahaja, sebagaimana telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam tadi. Sebenarnya kita ada menghantarkan pegawai-pegawai tentera kita ke beberapa buah negeri termasuklah United Kingdom, Australia, Indonesia, Amerika Syarikat dan lain-lain lagi.

Mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar berhubung dengan sistem pertahanan negara, saya percaya Ahli Yang Berhormat tentu maklum bahawa sistem pertahanan bukanlah satu perkara yang mudah dan kita terpaksa mengambil perincian yang mendalam dalam menentukan sistem pertahanan negara kita dan kita sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri Pertahanan sewaktu membentangkan Anggaran Belanjawan Kementerian ini sebentar tadi, kita patut mengadakan sistem ini berdasarkan kepada keadaan-keadaan di negara kita sendiri. Dengan sebab itu tidaklah boleh kita meniru atau mengikut sistem setengah-setengah negara dalam dunia ini.

Mengenai perkhidmatan manpower ataupun kerahan tenaga (national service) seperti yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga sebagaimana yang dijalankan oleh setengah-setengah negara. Bagi negara kita, kerahan tenaga ini tidaklah sesuai dengan keadaan-keadaan negara kita, dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum bahawa Kerajaan kita lebih menitikberatkan mengenai dengan Tentera Simpanan di mana rancangan masa depan, Tentera Wataniah akan kenal dengan nama Tentera Simpanan sebagai Barisan Kedua kepada Barisan Hadapan Angkatan Tentera biasa kita.

Perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Keluang mengenai dengan alat-alatan, kemudahan-kemudahan kepada Pasukan Tentera Wataniah, kita, perlu saya terangkan di sini bahawa setiap anggota Tentera Wataniah yang dikerah sepenuh masa, mereka adalah mendapat kemudahan-kemudahan, kelengkapan dan sebagainya sebagaimana askar biasa dalam apa juga peralatan, gaji atau elaun dan sebagainya.

Mungkin apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Keluang tadi mengenai dengan Pasukan Pertahanan Tempatan yang maksud saya Askar Wataniah yang tidak dikerah. Dan mengenai dengan tempat-tempat, pusat-pusat kawalan yang dijalankan oleh Tentera Wataniah di check point, tempat-tempat penting, sebenarnya kem-kem ini atau tempat kawalan ini berupa sementara sahaja. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertahanan sentiasa mengambil berat untuk memperbaiki lagi tempat-tempat, pusat-pusat kawalan sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Keluang tadi.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang katanya tidak ada counter propaganda, sebenarnya perkara ini sedang kita fikirkan. Walau bagaimanapun di Kementerian Pertahanan ada satu bahagian yang dinamakan Bahagian Perhubungan Raya yang telah menjalankan perannya untuk memberikan penerangan khususnya kepada rakyat dan orang ramai mengenai dengan kegiatan-kegiatan dalam Kementerian Pertahanan ini. Bahagian ini akan diperbaiki lagi daripada semasa ke semasa, dan mengenai dengan projek-projek gotong-royong, sebenarnya ini menjadi amalan kepada Pasukan Tentera kita baik Angkatan Tentera Darat, Laut ataupun Udara dan sebahagian daripadanya telahpun diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Saya suka menambah sedikit selain daripada projek gotong-royong, gerakan jiwa murni, kita juga mengadakan rancangan anak angkat, di mana di waktu cuti sekolah, kita memberi peluang kepada kanak-kanak sekolah yang berkenaan supaya tidur semalam dua di kem tentera supaya dapat mereka bersama-sama dengan Pasukan Tentera kita. Demikian juga Tentera Laut kita dari semasa ke semasa mengadakan kunjungan ke beberapa buah bandar-bandar yang boleh kapal-kapal sampai seperti di Batu Pahat, Muar, Telok Anson dan lain-lain lagi di mana dalam lawatan-lawatan itu mereka bercampur-gaul dengan rakyat dan orang ramai dengan tujuan untuk merapatkan perhubungan di antara Pasukan Tentera dengan orang ramai.

Mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Semerah juga, iaitu mengenai Syarikat Peluru Malex yang membekalkan peluru-peluru kepada Angkatan Tentera hanya untuk memburu sahaja. Yang sebenarnya peluru-peluru yang dikeluarkan oleh Syarikat ini adalah digunakan oleh Angkatan Tentera kita dalam gerakan operasi. Tentang cadangannya mengesyorkan supaya machine-gun dan sebagainya supaya dapat kita adakan atau kita buat di negara kita, ini telahpun ditimbangkan, tetapi masanya belumlah sampai bagi Syarikat yang tersebut mengeluarkannya. Insya Allah pada satu masa akan datang keadaan-keadaan ini akan dapat dipulihkan.

Yang terakhir, Tuan Pengerusi, mengenai dengan apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Keluang tadi iaitu mengenai dengan latihan-latihan dalam askar tidaklah merupakan fizikal sahaja, patut diadakan dari segi moral, spiritual, ugama dan sebagainya. Sebenarnya telah kita jalankan dan keputusannya amatlah mengembirakan terutamanya peranan-peranan yang dijalankan oleh Bahagian Ugama dalam tentera kita. Perkara ini telahpun diterangkan pada masa yang lalu. Mengenai masalah dadah, ini tidak dapat kita nafikan, kerana anggota Angkatan Tentera adalah manusia biasa juga, tetapi jumlahnya amatlah kurang dan sangat kecil bilangannya mungkin telah dipengaruhi yang menyebabkan mereka ini termasuk dalam golongan penyalahgunaan dadah.

Perlu saya terangkan sekali lagi bahawa jumlah mereka ini telah berkurangan. Selain daripada tindakan tegas yang telahpun

ditetapkan oleh Majlis Angkatan Tentera kita bahawa setiap anggota tentera tidak kira apa pangkatnya, jika sekiranya dapati mereka terlibat dalam penyalahgunaan dadah, mereka akan diberhentikan. Kempen-kempen ugama seperti yang dikatakan tadi telah dijalankan dan hasilnya amat memuaskan.

Tuan Pengerusi, oleh sebab masa telah sampai jadi sekianlah sahaja dan sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan yang membina dalam perbahasan yang telahpun dijalankan sebentar tadi.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,188,888,600 untuk Maksud B. 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$330,257,050 untuk P. 28 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembinaan, 1979.

**Tuan Pengerusi:** Hari esok saya telah bersetuju atas permintaan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri tidak ditimbangkan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriannya, tetapi ditangguhkan pada 29hb kelak. Hari esok, Majlis akan menimbangakan Kementerian Kewangan dan Kementerian Perusahaan Awam sekali.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 24hb November, 1978.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*